

3

Tinjauan Ekonomi Antarabangsa

Tinjauan Keseluruhan

Ekonomi dunia berkembang sebanyak 4.1% pada tahun 1996 dan dijangka meningkat kepada kadar di antara 4%-4.5% pada tahun 1997, iaitu kadar pertumbuhan terpantas dalam satu dekad. Walaupun pertumbuhan pada tahun ini meningkat, inflasi dunia dijangka terus terkawal berikutan komitmen kerajaan-kerajaan untuk mengekalkan inflasi pada paras yang rendah. Senario pertumbuhan ekonomi dunia yang memberangsangkan ini adalah disebabkan oleh berkurangnya tanda-tanda ketegangan dan ketidakseimbangan yang biasanya menyebabkan kelembapan dialami pada tahun-tahun lepas. Jumlah perdagangan dunia dijangka berkembang sebanyak 7.7% pada tahun 1997 berbanding 6.3% pada tahun 1996, tetapi lebih rendah daripada prestasi tinggi yang dicatat dalam tempoh 1994-95. Import negara-negara membangun dan peralihan dijangka terus melebihi eksport untuk tahun keenam berturut-turut, sementara eksport dari negara-negara maju dan Negara-negara Perindustrian Baru (NIE) dijangka bertambah kukuh disebabkan oleh persekitaran luar yang memberangsangkan bagi negara-negara pengeksport utama.

Jangkaan pertumbuhan ekonomi dunia adalah berdasarkan kepada pertumbuhan tinggi di Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK), serta pemulihan berterusan di Jepun dan Kanada. Negara-negara perindustrian, secara kumpulan dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 2.9% pada tahun 1997 (1996: 2.4%), iaitu kadar tertinggi sejak tahun 1989. Walau bagaimanapun, prestasi ekonomi adalah berbeza di antara negara-negara Amerika Utara dan Eropah Barat, dan juga di kalangan negara-negara Kesatuan Eropah (EU). UK terus mengekalkan pertumbuhan yang tinggi, manakala Jerman, Perancis, Itali dan beberapa negara kecil benua Eropah dijangka masih mengalami permintaan dalam negeri yang lemah.

Negara-negara membangun secara keseluruhannya dijangka mencatatkan pertumbuhan yang perlahan sedikit sebanyak 6.2% pada tahun 1997 (1996: 6.5%), manakala negara-negara peralihan dijangka berkembang sebanyak 2.4% (1996: 0.1%). Pertumbuhan ekonomi negara-negara membangun Asia dijangka rendah sedikit pada tahun 1997 sebanyak 7.6% (1996: 8.2%), dengan beberapa negara dijangka mengalami pertumbuhan yang lebih perlahan berikutan kegawatan di dalam pasaran kewangan di Asia Tenggara. Sungguhpun pertumbuhannya dijangka lebih perlahan, rantau Asia dijangka kekal sebagai rantau yang mengalami pertumbuhan terpantas di dunia.

Perdagangan Dunia

Pertumbuhan perdagangan dunia dijangka meningkat kepada 7.7% pada tahun 1997. Prestasi tinggi pada tahun 1997 ini didorong oleh aktiviti-aktiviti ekonomi di AS dan UK yang teguh, dan prestasi perdagangan di kalangan negara-negara Kesatuan Eropah yang tinggi serta import ke negara-negara membangun Amerika Latin dan Asia yang semakin meningkat. Selaras dengan perkembangan ekonomi yang kukuh, eksport dan import **AS** dijangka tumbuh lebih pantas berbanding kadar yang dicatat pada tahun 1996. Prestasi eksport **Jepun** dijangka mengalami peningkatan yang ketara dengan pertumbuhan eksport barangan melebihi 11.5% pada tahun 1997. Pertumbuhan eksport di **Jerman**, **Perancis** dan beberapa **negara kecil Eropah** juga dijangka meningkat berikutan dengan kejatuhan nilai mata wang mereka berbanding dolar AS. Harga perdagangan dijangka stabil pada tahun 1997, walaupun perubahan kadar pertukaran di Jepun dan UK sedikit sebanyak akan membawa kesan kepada kadar-kadar syarat perdagangan, terutamanya harga-harga eksport

utama. Secara keseluruhannya, harga-harga komoditi utama bukan minyak dijangka meningkat sebanyak 2.1% berbanding kejatuhan sebanyak 1.3% pada tahun 1996, sementara harga minyak dijangka jatuh sebanyak 4.8% kepada purata AS\$19.44 setiap satu tong pada tahun 1997 daripada AS\$20.42 pada tahun 1996.

Di negara-negara membangun, pertumbuhan eksport dijangka lebih rendah pada tahun 1997 berkurangan kepada 7.6% (1996: 9.5%) sementara pertumbuhan import melonjak kepada 10.5% (1996: 7.9%). Rantau **Asia** terus mendahului pertumbuhan keseluruhan perdagangan walaupun mengalami pertumbuhan yang sederhana pada tahun 1997. Eksport Asia dijangka meningkat kepada 9.2% (1996: 4.4%) disebabkan oleh permintaan dunia bagi barangan elektronik yang kembali pulih. Import juga dijangka mencatatkan peningkatan sebanyak 9.1% (1996: 6.8%). Di **Afrika**, disebabkan oleh harga barangan komoditi yang rendah dan kejatuhan harga minyak, pertumbuhan eksport dijangka merosot kepada 5.9% pada tahun 1997 (1996: 10.5%). Import sebaliknya menunjukkan peningkatan yang ketara sebanyak 7.6% (1996: 1.5%). Eksport bagi negara-negara **Amerika Latin** dijangka merosot kepada 7.7% (1996: 11.8%), sementara import dijangka meningkat kepada 15.4% (1996: 11.5%). Sementara itu, eksport dan import bagi negara-negara **Timur Tengah** dijangka merosot kepada 5.4% dan 9% (1996: 17.6%; 10.2%).

Pasaran Modal dan Kewangan Antarabangsa

Prestasi **pasaran modal** di negara-negara perindustrian adalah baik hasil daripada kadar inflasi yang menurun, usaha-usaha terhadap pengukuhan fiskal, pertumbuhan kukuh yang berterusan di AS dan UK, dan pengukuhan aktiviti ekonomi di beberapa negara utama yang lain. Persekitaran ekonomi makro yang bertambah baik berserta dengan kecairan yang tinggi telah menghadkan ketidaktentuan di pasaran-pasaran utama. Pasaran-pasaran modal di AS adalah penerima utama pengaliran modal disebabkan oleh pulangan tinggi dari aset dolar berserta dengan kadar faedah yang rendah di Jepun dan Eropah. Beberapa mata wang Eropah yang mempunyai pulangan yang tinggi dan beberapa negara yang menggunakan mata wang dolar juga dikukuhkan oleh pengaliran masuk modal.

Di negara-negara perindustrian, pelaksanaan dasar kewangan pada tujuh bulan pertama tahun 1997 menunjukkan perbezaan ketara kepada putaran ekonomi negara masing-masing. Kadar faedah di AS dan UK telah dinaikkan secara beransur-ansur sebagai langkah mengelakkan tekanan inflasi. Di Eropah pula, kadar inflasi yang rendah, usaha pengetatan fiskal dan komitmen terhadap kejayaan Kesatuan Ekonomi dan Kewangan Eropah (EMU) merupakan faktor-faktor penting yang telah membawa kepada kelonggaran dasar kewangan. Walau bagaimanapun, di AS dan UK pengetatan sederhana terhadap dasar-dasar kewangan dijangka dalam tempoh empat hingga enam bulan yang berikutnya. Di AS, kadar tabung persekutuan telah dinaikkan secara beransur-ansur sejak bulan Mei 1997 dan diramalkan mencapai 5.75% menjelang hujung tahun 1997 (Jun 1997: 5.50%). Kenaikan kadar faedah di AS sebanyak 25 atau 50 mata asas dijangka tidak membawa kesan yang mendalam ke atas prestasi ekonomi dunia. Pengetatan yang berpanjangan juga dijangka tidak akan berlaku. Di UK pula, kadar pinjaman minima telah dinaikkan kepada 6.75% pada hujung bulan Julai 1997 daripada 6.25% pada suku pertama. Kadar ini dijangka dinaikkan lagi di antara 7.00% hingga 7.25% menjelang hujung tahun 1997. Sementara di Jerman, kadar diskaun dan Lombard dijangka kekal pada tahap yang rendah sehingga hujung tahun untuk memastikan pemulihan yang berterusan. Bagi negara Jepun pula, disebabkan oleh ketidakpastian tentang kesan pengukuhan fiskal ke atas perbelanjaan swasta serta kenaikan cukai penggunaan, kadar diskaun rasmi dijangka dikekalkan pada tahap rendah yang wujud sekarang iaitu, kurang daripada 1%.

Pada tahun 1997, **pasaran tukaran asing** telah mengalami peningkatan pergolakan dalam kadar pertukaran mata wang utama. Walaupun AS dan UK mencatat defisit akaun semasa yang besar, dolar AS dan pound sterling telah bertambah kukuh berbanding yen Jepun dan deutsche mark. Pemulihan yang kukuh ekonomi AS dan UK berserta dengan pemulihan lembab ekonomi Eropah dan Jepun telah menyumbang kepada pengukuhan dolar dan pound sterling, yang ditambah pula oleh ketidakpastian tentang EMU, kelemahan dalam sektor kewangan di Jepun dan kadar pertumbuhan yang perlahan dalam ekonomi-ekonomi Asia Timur. Pertumbuhan mampan di AS dan UK telah juga menarik banyak pelaburan

dan pada masa yang sama mengurangkan dengan ketara pengaliran modal ke rantau-rantau lain. Ini pula telah menyumbang kepada peningkatan pasaran modal, AS dan UK. Sehingga akhir tahun 1997, yen Jepun dijangka masih kukuh berbanding dolar AS terutamanya disebabkan oleh kedudukan fiskal yang lemah di Jepun berbanding AS dan jangkakan peningkatan lebih perdagangan Jepun dengan AS. Sementara itu, dalam jangka masa pendek, dolar AS dijangka terus kukuh berbanding deutsche mark disebabkan oleh kebimbangan tentang keupayaan Jerman memenuhi syarat-syarat EMU tentang defisit fiskal. Dalam jangka masa panjang pula, deutsche mark dijangka bertambah kukuh seiring dengan pemulihan ekonomi Jerman. Bundesbank mungkin akan juga bertindak mengawal kemerosotan deutsche mark.

Di Amerika Latin, pergolakan peso baru Mexico dan real Brazil dijangka berkurangan pada tahun 1997. Kemelut dalam pasaran tukaran asing yang baru muncul dijangka membawa kesan negatif ke atas pasaran ekuiti di rantau ini. Indeks Bovespa menurun sebanyak 15% di antara 11 dan 18 Julai 1997 dan lain-lain pasaran ekuiti Amerika Latin seperti di Argentina, Chile dan Mexico yang mempunyai hubungan perdagangan dengan Brazil mungkin akan turut terjejas.

Di ASEAN, baht Thailand telah mengalami tekanan yang hebat semenjak pertengahan Mei 1997 berikutan penurunan yang ketara dalam eksport, defisit akaun semasa yang besar, peningkatan hutang jangka pendek, bekalan yang berlebihan dalam sektor hartanah dan kelemahan dalam sistem kewangan tempatan. Pada awal bulan Julai, Thailand telah memperkenalkan regim kadar pertukaran terapung yang lebih bebas. Nilai baht telah menurun hampir 29% berbanding dolar AS di antara 2 Mei hingga 30 September sementara indeks pasaran saham juga menurun hampir 18% dalam tempoh yang sama. Kesan-kesan limpahan daripada krisis kewangan di Thailand telah dialami oleh beberapa negara di rantau ini di mana mata wang tempatan telah menjadi sasaran serangan spekulasi. Ini telah menyebabkan penurunan nilai peso Filipina sebanyak 23%, ringgit Malaysia sebanyak 21%, rupiah Indonesia sebanyak 26% dan dolar Singapura sebanyak 7% berbanding dolar AS di antara 30 Jun hingga 30 September 1997. Kelemahan di pasaran mata wang telah disusuli dengan ketidaktentuan dan kemerosotan

pasaran saham serantau di mana indeks pasaran saham di Filipina menurun sebanyak 27%, Indonesia sebanyak 25%, Singapura hampir 3% dan di Malaysia, Indeks Komposit Kuala Lumpur menjunam sebanyak 24% di antara 30 Jun hingga 30 September.

Aliran **pelaburan langsung asing (FDI)** dunia dijangka terus meningkat pada tahun 1997 didorong terutamanya oleh perkembangan pasaran, kemajuan teknologi, tekanan persaingan, penswastaaan dan dasar-dasar kerajaan yang menggalakkan. Aliran FDI telah meningkat untuk lima tahun berturut-turut mencapai AS\$349 bilion pada tahun 1996. Angka sebenar mungkin lebih tinggi, berjumlah AS\$1.4 trilion sekiranya semua modal yang digunakan oleh syarikat-syarikat pelaburan di dalam negeri dan di pasaran kewangan seberang laut diambilkira. FDI dijangka terus kukuh pada tahun 1997. Aliran FDI ke negara-negara membangun berjumlah hampir 60% (AS\$208 bilion) daripada FDI dunia. AS mengekalkan kedudukannya sebagai negara penerima tunggal terbesar di kalangan negara maju.

Aliran FDI ke negara-negara membangun meningkat hampir 30% kepada AS\$129 bilion pada tahun 1996. Aliran FDI dijangka terus kukuh walaupun kadar yang sama mungkin tidak dapat dicapai pada tahun 1997. Asia, tidak termasuk Jepun, menerima lebih daripada separuh aliran FDI ini berjumlah AS\$81 bilion, iaitu 25% melebihi tahun 1995. China merupakan penerima FDI kedua terbesar di dunia selepas AS, sebanyak AS\$42 bilion dan mengekalkan kedudukan teratasnya di kalangan negara membangun untuk lima tahun berturut-turut. Bagi tahun 1997, aliran FDI ke China dijangka sekurang-kurangnya dapat menyamai jumlah aliran pada tahun lepas didorong oleh usaha-usaha kerajaan untuk menggalakkan FDI ke wilayah-wilayah barat tengah yang kaya dengan sumber-sumber semulajadi. Aliran sebenar pelaburan asing ke China bagi tujuh bulan pertama tahun 1997 berjumlah AS\$26 bilion, meningkat sebanyak 15.8% berbanding tempoh yang sama pada tahun 1996. Pelaburan yang masuk ke Singapura, Hong Kong China, Korea Selatan dan Taiwan meningkat sebanyak 27% kepada AS\$15 bilion. Singapura merupakan penerima terbesar, aliran pelaburan berjumlah AS\$9 bilion.

Walaupun terdapat persaingan global yang sengit, rantau ASEAN terus menarik sejumlah besar pelaburan langsung asing, dengan aliran FDI ke Thailand, Indonesia, Malaysia dan Filipina bertambah sebanyak 43% kepada AS\$17 bilion pada tahun 1996. Bahagian terbesar pelaburan adalah dari Jepun, Eropah, AS dan NIE. Walau bagaimanapun, pelaburan oleh negara-negara ASEAN termasuk Vietnam, Laos dan Myanmar di Asia telah berkurangan daripada 61% pada tahun 1990-91 kepada separuh daripada jumlah ini dalam tempoh 1994-1996. Pengurangan ini disebabkan oleh kekangan kapasiti dan infrastruktur serta daya saing dari negara-negara Asia lain yang menawarkan kos buruh yang rendah dan insentif yang menarik kepada pelabur-pelabur asing. Aliran FDI di rantau Asia Selatan dan Asia Barat dijangka terus sederhana di mana semakin banyak negara sedang berusaha untuk menggalakkan aliran FDI ke dalam projek-projek infrastruktur. Sebagai contoh, India telah menerima pelaburan sebanyak AS\$2.6 bilion di sektor ini, peningkatan sebanyak 34% berbanding pada tahun 1995.

Pada masa bilamana negara-negara membangun Asia mengalami kenaikan di dalam aliran masuk pelaburan, negara-negara tersebut telah juga menjadi sumber modal yang utama khususnya kepada negara-negara Asia yang lain. Pada tahun 1996, negara-negara membangun telah melabur sebanyak AS\$51 bilion di luar negara, iaitu lebih kurang 15% daripada keseluruhan jumlah FDI, dengan jumlah dari negara-negara Asia sebanyak AS\$46 bilion. Hong Kong, China sahaja telah melabur sebanyak AS\$27 bilion. Negara-negara Asia yang kurang membangun mendapat hasil daripada penstrukturan semula industri di negara-negara perindustrian Asia. Bangladesh contohnya telah menerima 80% pelaburan dari negara-negara jiran. Pelaburan intra-ASEAN telah juga meningkat kepada AS\$13.4 bilion dengan Vietnam menjadi destinasi utama pelaburan.

Aliran pelaburan langsung asing ke Amerika Latin dan Caribbean meningkat sebanyak 50%, untuk mencapai AS\$39 bilion pada tahun 1996. Kebanyakan pelaburan adalah tertumpu di negara-negara terpilih dan di industri yang khusus seperti automobil di Mexico dan Brazil, sumber semulajadi di Chile dan projek penswastaaan di Argentina dan Peru. Pada tahun 1997, ekonomi Amerika Latin dan Caribbean akan terus menarik perhatian kukuh pelaburan langsung asing.

Pasaran ekuiti negara-negara perindustrian telah menunjukkan prestasi yang baik disebabkan oleh kadar inflasi dan faedah yang rendah. Pasaran di negara-negara Eropah mencatatkan prestasi yang memberangsangkan dengan pasaran di UK menunjukkan prestasi yang paling kukuh. Di AS pula, prestasi pasaran ekuitinya telah mengatasi prestasi pasaran negara-negara perindustrian lain disebabkan oleh pengaliran masuk modal yang besar daripada pelabur yang mencari pasaran yang boleh mendatangkan pulangan yang tinggi. Sebaliknya, prestasi pasaran ekuiti di Kanada ketinggalan di belakang AS, manakala kenaikan harga yang sederhana telah dapat dilihat di Perancis dan Jerman. Walau bagaimanapun, pasaran ekuiti di Jepun telah ketinggalan di belakang negara-negara Kumpulan-7 yang lain disebabkan oleh kebimbangan terhadap sektor kewangan di negara tersebut.

Kedudukan Ekonomi Negara-negara Perindustrian

Pengeluaran


Negara-negara perindustrian dijangka menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang semakin baik sebanyak 2.9% pada tahun 1997 berbanding 2.4% pada tahun 1996 dan 2.1% pada tahun 1995. Prospek pertumbuhan di seluruh negara perindustrian adalah pada tahap terbaik dalam satu dekad. Di **AS**, ekonominya terus berkembang untuk tujuh tahun berturut-turut, dengan mengabungkan pertumbuhan pengeluaran yang kukuh berserta dengan tahap guna tenaga yang penuh di samping membendung tekanan inflasi dan menuju ke arah mengurangkan ketidakseimbangan fiskal. Faktor-faktor asas yang menyokong prestasi ekonomi luar biasa ini adalah peningkatan kecekapan ekonomi jangka panjang, keanjalan di dalam pasaran buruh dan barangan berserta dengan beberapa faktor lain yang membendung inflasi. Indeks penggunaan kapasiti perindustrian menunjukkan peningkatan pada tahun 1996 dan dijangka terus kekal di atas tahap purata jangka panjangnya pada tahun 1997. Adalah dijangkakan pengetatan dasar kewangan yang berterusan dan usaha-usaha berterusan untuk mengurangkan defisit belanjawan akan menyediakan asas yang kukuh untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang dialami sekarang. Sebagai langkah untuk mengawal kemunculan tekanan harga, Kerajaan telah mengetatkan dasar

kewangan secara sederhana. Pengetatan ini dijangka akan diteruskan memandangkan penggunaan sumber yang tinggi, tekanan agregat permintaan yang tinggi dan kemungkinan faktor-faktor yang telah membendung tekanan inflasi di masa lepas seperti kenaikan kos buruh yang perlahan, peningkatan nilai dolar AS dan persaingan luar yang kian meningkat, berserta dengan kadar pertumbuhan rendah di negara-negara utama lain, dijangka berkurangan pada masa hadapan. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar pada tahun 1997 dijangka berada pada kadar 3.7% (1996: 2.8%).

Di **Jepun**, setelah terbantut selama empat tahun, ekonominya mula menjadi kukuh pada akhir tahun 1996 dan awal tahun 1997 disebabkan oleh peningkatan permintaan dalam negeri dan pemulihan eksport bersih. Walau bagaimanapun, kadar pemulihan menjadi lembab sedikit disebabkan oleh kesan negatif yang berpanjangan berikutan kenaikan cukai penggunaan yang dikenakan pada bulan April tahun 1997. Walaupun pemulihan semula ekonomi Jepun dijangka lebih pesat pada separuh kedua tahun 1997, pertumbuhan KDNK secara keseluruhannya dijangka perlahan kepada kadar 1.1% pada tahun 1997 (1996: 3.5%), disebabkan oleh kesan dasar fiskal yang terhad. Pelaburan dijangka terus meningkat, walaupun ia lebih bertumpu kepada firma-firma yang bersaiz kecil dan sederhana serta bukan perkilangan. Pengeluaran, keuntungan korporat dan pendapatan persendirian semakin pulih disebabkan oleh pemulihan dalam permintaan dijangka mendorong pemulihan ekonomi secara keseluruhannya.

Walaupun pertumbuhan ekonomi **negara-negara benua Eropah** tidak sepesat negara-negara perindustrian yang lain, pertumbuhan dijangka semakin pulih pada tahun 1997 disebabkan terutamanya oleh peningkatan prestasi negara-negara yang lebih kecil dan perkembangan pasaran luar negeri yang kukuh. Walaupun pelaksanaan berbagai dasar sejak tahun 1995 telah membantu perkembangan ekonomi ke arah pertumbuhan yang lebih mampan dalam jangka masa sederhana, bagi tahun 1997, tinjauan di Jerman, Perancis dan Itali menunjukkan bahawa pemulihan ekonomi memerlukan masa yang lebih panjang. Usaha-usaha penyatuan fiskal yang berterusan di negara-negara tersebut telah memperlambatkan pertumbuhan ekonomi, sementara pasaran buruh

Carta 3.1
Negara-Negara Perindustrian -
Petunjuk-Petunjuk Ekonomi Utama



1/ Harga pengguna

Sumber :IMF World Economic Outlook , September 1997
dan laporan - laporan lain

yang kaku dan kekurangan keyakinan terhadap perniagaan telah menyebabkan kelembapan yang teruk dalam tempoh empat tahun yang lalu.

Ekonomi **Jerman** pulih semula pada tahun 1997, tetapi pertumbuhan di beberapa kawasan terus tidak seimbang: kerana terlalu bergantung kepada pertumbuhan eksport dengan permintaan dalam negeri yang masih lemah. Walau bagaimanapun, pelaburan perniagaan terutamanya peralatan serta kelengkapan mesin dan penggunaan dijangka meningkat pada penghujung tahun 1997. KDNK benar dijangka tumbuh sebanyak 2.3% pada tahun 1997 (1996: 1.4%) sejajar dengan pembetulan kadar pertukaran wang sebenar dan pertambahan permintaan luar negeri yang mendorong eksport, mengukuhkan aktiviti perkilangan dan memperbaiki iklim pelaburan. Walau bagaimanapun, kelemahan struktur terutamanya di dalam pasaran buruh dan keraguan terhadap kemampuan Jerman untuk memenuhi kriteria Maastricht pada penghujung tahun 1997 dijangka menyekat perkembangan ekonominya secara keseluruhan. Di **Perancis**, peningkatan keyakinan pengguna serta permintaan


luar negeri yang semakin mantap telah mendorong semula pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan KDNK dijangka meningkat sebanyak 2.2% pada tahun 1997 (1996: 1.5%), tertakluk kepada permintaan luar negeri yang berterusan dan keadaan kewangan yang longgar. Walau bagaimanapun, ketegangan di pasaran kewangan menjelang pewujudan euro akan mengekang pertumbuhan dalam jangka masa pendek dan sederhana.

Berbanding dengan negara-negara utama benua Eropah lain yang mengalami kelembapan dalam beberapa tahun kebelakangan ini, ekonomi **UK** terus berkembang selama enam tahun berturut-turut dengan KDNK dijangka mencapai 3.3% pada tahun 1997 (1996: 2.3%). Pertumbuhan didorong oleh perbelanjaan pengguna dan pelaburan perniagaan yang tinggi, disokong oleh peluang pekerjaan yang banyak dan pemulihan pasaran perumahan. Jualan runcit, pengeluaran sektor perkilangan dan pelaburan tetap kasar yang tinggi telah menampung kelemahan pertumbuhan eksport berikutan kekukuhan nilai pound. Di negara-negara kecil Eropah yang lain seperti **Austria, Belgium, Sweden** dan **Switzerland**, prospek pertumbuhan tidak begitu kukuh. Permintaan dalam negeri adalah lemah di semua negara tetapi eksport dijangka menyokong pertumbuhan seperti juga pelaburan perniagaan yang kukuh. Pertumbuhan KDNK di negara-negara ini diramal berada di antara 1% dan 3%. Di **New Zealand** dan **Australia**, kadar pertumbuhan yang telah dicapai sejak tahun 1996 dijangka terus meningkat pada tahun 1997, disokong oleh keadaan kewangan yang longgar dan tekanan inflasi yang rendah. Pertumbuhan di New Zealand dijangka mencapai 2.8% pada tahun 1997 (1996: 2.7%), manakala di Australia peningkatan pelaburan dijangka dapat mengekalkan tahap pertumbuhan pada kadar 3.5% pada tahun 1997 (1996: 4%).

Inflasi

Inflasi di negara-negara perindustrian secara keseluruhannya adalah terkawal dalam beberapa tahun kebelakangan ini dan dijangka kekal pada paras yang rendah. Badan-badan kewangan di negara-negara perindustrian sentiasa peka terhadap kewujudan tekanan upah dan harga sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang beransur-ansur kukuh. Inflasi di negara-negara

Carta 3.2
Arah Aliran Penentu Ekonomi
Negara-Negara Perindustrian



1/ Angka bagi 1997 adalah anggaran.

2/ Kadar faedah purata yang diwajibkan oleh nilai purata dalam dolar AS.

3/ Kadar purata hasil atas bon-bon kerajaan.

4/ Sehingga bulan Jun 1997.

5/ Akhir tempoh kecuali 1997, sehingga pertengahan bulan September.

Sumber : IMF World Economic Outlook, September 1997

perindustrian secara kumpulan dijangka dapat dibendung pada paras 2% pada tahun 1997 (1996: 2.3%).

Di **AS**, perbelanjaan pengguna telah meningkat dengan pesat, didorong oleh pasaran buruh yang kukuh, peningkatan upah secara relatif yang lebih pantas dan peningkatan pendapatan isirumah. Inflasi harga pengguna telah jatuh kepada 2.4% pada tahun 1997 (1996: 2.9%). Di **Jepun**, harga pengguna dijangka meningkat disebabkan oleh kesan kenaikan cukai penggunaan, tetapi dijangka stabil semula dalam jangka masa sederhana disebabkan oleh perubahan struktur penawaran. Inflasi dijangka berada pada tahap 1.6% (1996: 0.1%).

Di **Jerman**, kejatuhan nilai deutsche mark telah menimbulkan kebimbangan terhadap peningkatan tekanan harga yang akan menjejaskan firma-firma Jerman berikutan harga input dari luar negeri semakin tinggi. Inflasi di Jerman dijangka meningkat kepada 1.9% pada tahun 1997 (1996: 1.5%) disebabkan oleh barangan import dari negara-negara rakan perdagangan EU yang lebih mahal. Kejatuhan nilai franc kepada kadar yang lebih stabil dijangka mempengaruhi kadar inflasi di **Perancis**, tetapi harga dan upah dijangka terus rendah berikutan kelembapan pasaran barangan dan buruh. Bagi tahun 1997, kadar inflasi dijangka berterusan kepada paras 1.1% (1996: 2%).

Prospek jangka pendek inflasi di **UK** dijangka terus rendah berikutan kenaikan nilai pound sterling yang besar sejak pertengahan tahun 1996 dan kenaikan kadar asas sebanyak 0.25 peratusan mata pada bulan Mei 1997. Namun begitu, terdapat tanda-tanda yang menunjukkan kenaikan upah, terutamanya di sektor perkhidmatan yang sedang pesat berkembang. Untuk mengekang tekanan inflasi, kadar asas dijangka dinaikkan sedikit pada penghujung tahun 1997. Secara keseluruhan bagi tahun 1997, inflasi dijangka berada pada paras 2.6% (1996: 2.9%). Di beberapa negara kecil Eropah seperti **Denmark, Finland, Iceland, Ireland, Belanda** dan **Norway** terdapat kemungkinan bahawa tekanan upah dan harga akan muncul. Walau bagaimanapun, dasar kewangan akan digunakan untuk menampung tekanan ini dan inflasi di negara-negara berkenaan dijangka berada di antara 1% dan 3%. Di **Australia**, inflasi dijangka kekal pada tahap rendah sebanyak 1.9% pada tahun 1997 (1996: 2.7%), manakala di **New Zealand**, kadar inflasi dijangka turun kepada 1.4% (1996: 2.3%).

Jadual 3.1

**Negara-negara Perindustrian Terpilih -
Petunjuk-petunjuk Ekonomi Utama
(1994-1998)**

	<i>Negara-negara Perindustrian</i>	<i>Amerika Syarikat</i>	<i>Jepun</i>	<i>Jerman</i>	<i>United Kingdom</i>
Pertumbuhan KDNK Benar (%)					
1994	2.9	3.5	0.6	2.9	4.3
1995	2.1	2.0	1.4	1.9	2.7
1996	2.4	2.8	3.5	1.4	2.3
1997 ^a	2.9	3.7	1.1	2.3	3.3
1998 ^u	2.7	2.6	2.1	2.8	2.6
Inflasi ¹ (%)					
1994	2.3	2.6	0.7	2.7	2.4
1995	2.4	2.8	-0.1	1.8	2.8
1996	2.3	2.9	0.1	1.5	2.9
1997 ^a	2.0	2.4	1.6	1.9	2.6
1998 ^u	2.1	2.8	0.7	2.3	2.7
Pengangguran (%)					
1994	8.1	6.1	2.9	9.6	9.3
1995	7.7	5.6	3.1	9.4	8.2
1996	7.7	5.4	3.3	10.3	7.5
1997 ^a	7.5	5.1	3.4	11.3	5.8
1998 ^u	7.3	5.3	3.2	11.2	5.7
Imbangan Akaun Semasa (AS\$ bilion)					
1994	8.0	-133.5	130.6	-19.7	-2.5
1995	34.6	129.1	111.4	-21.0	-5.8
1996	11.8	148.2	65.8	-17.6	-0.7
1997 ^a	9.0	-176.0	91.0	-10.0	-4.0
1998 ^u	-7.0	-203.0	93.0	1.0	-13.0

¹ Harga Pengguna

^a anggaran

^u unjuran

Sumber: IMF World Economic Outlook, September 1997; dan OECD Economic Outlook, Jun 1997

Pengangguran

Prestasi pasaran buruh di negara-negara perindustrian adalah berbeza-beza dengan kadar pengangguran di negara-negara EU terus tinggi, terutamanya di Perancis, Jerman dan Itali. Kadar pengangguran bagi keseluruhan EU dijangka berkurangan sebanyak 0.3 peratusan mata kepada 11.1% pada tahun 1997 (1996: 11.4%). Di beberapa

negara termasuk AS, UK, Denmark, Finland, Ireland dan Belanda, pengangguran telah berkurangan kepada paras purata di bawah 10% dan pasaran buruh yang ketat boleh menyebabkan tekanan ke atas upah bertambah. Pertambahan peluang pekerjaan yang kukuh telah dicatat, terutamanya di AS, Kanada dan New Zealand.

Di **AS**, kadar pengangguran dianggarkan sebanyak 5.1% pada tahun 1997 (1996: 5.4%). AS telah mengalami keadaan pasaran buruh yang ketat, namun, peningkatan dalam kos buruh masih sederhana. Peningkatan permintaan telah menarik lebih ramai pekerja untuk memasuki pasaran buruh terutamanya di dalam bidang komputer, pengangkutan dan industri perkhidmatan kewangan. Di **Jepun**, kadar pengangguran dianggarkan sebanyak 3.4% pada tahun 1997 kerana pewujudan peluang pekerjaan telah terbantut disebabkan oleh ketidaktentuan mengenai kekukuhan pemulihan serta penyusunan semula industri.

Walaupun momentum pemulihan ekonomi **Jerman** telah bermula, pengangguran masih membimbangkan. Di bahagian barat, peningkatan aktiviti ekonomi telah membuka peluang-peluang pekerjaan, sementara di bahagian timur, masalah pengangguran semakin buruk mencerminkan kegagalan proses reformasi cukai yang menggugat pelaburan. Kelemahan struktur dalam pasaran buruh telah menyebabkan pewujudan peluang-peluang pekerjaan yang rendah dan kenaikan kadar pengangguran kepada tahap yang tertinggi. Pengangguran di Jerman dijangka mencapai 11.3% pada tahun 1997 (1996: 10.3%), kadar tertinggi dalam tempoh lebih daripada 30 tahun. Di sebalik pertumbuhan ekonomi yang beransur-ansur kukuh, pengangguran di **Perancis** dijangka meningkat kepada 12.6% pada tahun 1997 (1996: 12.4%). Kerajaan dijangka melancarkan "rancangan untuk membuka peluang pekerjaan" pada bulan Oktober 1997 bagi mewujudkan 500,000 peluang pekerjaan di sektor awam. Ini dijangka dapat mengurangkan kadar pengangguran kepada 12.3% pada tahun 1998, tetapi masih tertinggi di kalangan negara-negara perindustrian.

Pengangguran struktural di **UK** telah menurun hasil daripada reformasi menyeluruh pasaran buruh di samping pertumbuhan ekonomi yang kukuh. Memandangkan keadaan pasaran buruh yang

semakin ketat pada tahun 1997, pengangguran dijangka menurun kepada 5.8% (1996: 7.5%). Pengangguran di **Australia** dijangka kekal pada paras 8.6% pada tahun 1997 (1996: 8.6%), sementara di **New Zealand**, pengangguran dijangka turut berkurangan kepada lingkungan 6% (1996: 6.1%).

Imbangan Pembayaran

Ketidakseimbangan akaun semasa beberapa negara perindustrian utama dijangka semakin melebar pada tahun 1997, tetapi lebih kecil berbanding ketidakseimbangan pada tahun 1980an. Defisit akaun semasa bagi tujuh **negara perindustrian** utama secara keseluruhannya dijangka terus meningkat kepada AS\$43 bilion pada tahun 1997 daripada AS\$32 bilion pada tahun 1996.

Walaupun dolar berterusan kukuh, imbangan perdagangan **AS** semakin merosot dengan defisit pada tahun 1997 dijangka 10% lebih tinggi daripada yang dicatatkan pada tahun 1996. Sungguhpun begitu, keadaan ini telah diperbaiki dengan prestasi yang lebih baik dicatatkan oleh sektor perkhidmatan. Sektor eksport menunjukkan prestasi yang kukuh, terutamanya barangan modal dan automobil serta penjualan pesawat awam yang laris. Import barangan modal telah juga meningkat, tetapi permintaan dalam negeri yang tinggi tidak mengakibatkan sebarang peningkatan yang besar dalam pengimportan barangan pengguna. Namun begitu, AS dijangka mencatatkan defisit perdagangan yang agak besar dengan China, Jepun dan beberapa negara Asia Pasifik yang lain. Di samping itu, kenaikan dolar yang disebabkan pertumbuhan ekonomi yang mantap akan mengakibatkan kemerosotan dalam eksport bersih.

Di **Jepun**, setelah jatuh kepada 1.4% daripada KDNK pada tahun 1996, lebihan akaun semasa dijangka meningkat berikutan penurunan nilai yen sejak tahun 1995 yang telah merangsang eksport. Lebihan perdagangan Jepun dengan AS dijangka melebihi 2.5% daripada KDNK nominal. Lebihan akaun semasa juga bertambah disebabkan oleh pertumbuhan import yang lembab akibat permintaan dalam negeri yang perlahan kerana pengetatan fiskal dan peningkatan cukai penggunaan.

Eksport **Jerman** meningkat sederhana pada tahun 1996 disebabkan oleh kelemahan nilai deutsche mark dan penurunan kos unit buruh yang menaikkan daya saing Jerman. Trend ini dijangka berterusan pada tahun 1997 dengan nilai deutsche mark terus lemah dan pertumbuhan di negara-negara Eropah lain semakin kukuh. Ini akan meninggikan lagi jumlah lebih perdagangan barangan kepada AS\$84 bilion (1996: AS\$73 bilion). Defisit akaun semasa dijangka mengecil kepada AS\$10 bilion pada tahun 1997 (1996: -AS\$17.6 bilion). Kadar pertukaran franc berbanding dolar AS yang lemah, kenaikan upah yang sedikit dan permintaan yang lebih tinggi di Eropah barat, dijangka menaikkan eksport **Perancis** pada tahun 1997. Tetapi penggunaan swasta yang semakin pulih dan pelaburan perniagaan yang semakin kukuh akan juga menambah jumlah import. Lebih perdagangan dijangka mencapai AS\$18 bilion pada tahun 1997 (1996: AS\$15.9 bilion) dengan lebih akaun semasa melonjak kepada AS\$26 bilion (1996: AS\$20 bilion).

Pertumbuhan eksport **UK** dijangka perlahan kepada 5.7% pada tahun 1997 berbanding 6.9% pada tahun 1996, disebabkan sebahagiannya oleh kekukuhan nilai pound. Pertumbuhan import dijangka terus tinggi pada kadar 7.2% (1996: 8.5%) disokong oleh perkembangan ekonomi UK yang lebih tinggi berbanding negara-negara rakan perdagangan utama yang lain. Defisit perdagangan dijangka melebar daripada AS\$18.9 bilion pada tahun 1996 kepada lebih kurang AS\$24 bilion pada tahun 1997. Defisit akaun semasa pula dijangka melebar kepada AS\$4 bilion pada tahun 1997 atau 0.5% daripada KDNK (1996: -AS\$0.7 bilion atau 0.1% daripada KDNK). Di **Australia**, pertumbuhan yang pantas dan kenaikan kadar pertukaran dijangka menyumbang kepada defisit akaun semasa menjadi lebih buruk, sementara di **New Zealand**, pertumbuhan kukuh yang melebihi jangkaan dan permintaan yang tinggi dijangka menyebabkan tekanan ke atas imbalan pembayaran.

Kemajuan ke arah Penubuhan Kesatuan Ekonomi dan Kewangan Eropah

Penubuhan **Kesatuan Ekonomi dan Kewangan Eropah (EMU)**, yang dijadualkan pada 1 Januari 1999 akan menandakan penamatan proses yang berlarutan selama 40 tahun untuk mewujudkan

penyatuan ekonomi yang erat dan memperkenalkan persekitaran iklim kewangan yang lebih stabil di Eropah. Mata wang tunggal, euro dijangka mengubah sistem kewangan antarabangsa dan akan muncul sebagai satu mata wang utama antarabangsa yang boleh menandingi dolar AS sebagai perantaraan pembayaran dan rizab antarabangsa.

Penubuhan EMU bermakna akan wujud satu dasar kewangan dalam negeri bagi negara-negara EU dengan kadar faedah pasaran kewangan seragam dan kadar pertukaran wang tunggal. EMU dijangka mengurangkan kos urusan dan menghasilkan kadar faedah yang lebih rendah dalam jangka panjang serta menggalakkan pelaburan disokong oleh komitmen ke atas kestabilan harga dan dasar-dasar yang berhemat. Hanya negara-negara anggota yang memenuhi beberapa obligasi yang ditetapkan di dalam Perjanjian Maastricht, termasuklah rekod kestabilan kewangan dan belanjawan yang baik sahaja yang boleh menggunakan euro. Beberapa negara EU yang bercadang untuk menyertai EMU pada peringkat permulaan perlu mencapai obligasi-obligasi mengenai inflasi, kadar faedah dan kestabilan kadar pertukaran untuk mengelakkan dari timbul sebarang masalah, khususnya pengangguran. Beberapa negara termasuk Perancis dan Jerman dijangka tidak dapat mencapai sepenuhnya 3% defisit fiskal yang ditetapkan pada tahun 1997 disebabkan oleh jurang kelembapan ekonomi yang besar. Sehingga akhir September 1997, hanya 11 buah negara, kecuali UK, Denmark, Sweden dan Greek dijangka menyertai EMU pada 1 Januari 1999.

Rantau-rantau lain di seluruh dunia menaruh minat yang tinggi terhadap penubuhan EMU dan euro. Kejayaan EMU dijangka mengurangkan kegusaran terhadap globalisasi dan risiko perlindungan kepada masalah pengangguran yang tinggi di Eropah. Ia dijangka mengubah persekitaran di Eropah sebagai rantau yang lebih baik untuk perdagangan dan pelaburan dan juga meningkatkan permintaan terhadap euro sebagai mata wang urusan antarabangsa. Walau bagaimanapun, kestabilan euro bergantung kepada beberapa faktor termasuk kredibiliti dan keseragaman dasar-dasar yang dilaksanakan oleh negara-negara anggota. Pada kesimpulannya, adalah penting nilai euro mencerminkan asas-asas ekonomi negara-negara yang menyertainya.

Kedudukan Ekonomi Negara-negara Membangun

Pertumbuhan KDNK benar bagi negara-negara membangun secara relatif dijangka terus kukuh sekitar 6.2% (1996: 6.5%) dengan kadar inflasi dijangka menurun kepada 10% pada tahun 1997 (1996: 13.2%). Perkembangan yang pesat di rantau Asia dijangka menjadi sederhana kepada 7.6% (1996: 8.2%). Pengukuhan aktiviti yang ketara pada tahun 1996 di beberapa negara di rantau lain dijangka dapat dikekalkan pada tahun 1997. Selain itu, perkembangan ekonomi yang semakin meluas di beberapa negara berpendapatan rendah menunjukkan perkembangan yang positif. Risiko ke atas pertumbuhan tinggi yang berpunca daripada ketidakseimbangan dasar telah berkurangan kerana kebanyakan negara membangun meneruskan dasar fiskal yang berhemat, di samping mengekalkan atau mengurangkan inflasi. Sebaliknya, beberapa negara telah mengalami ketidakseimbangan luaran yang besar dan ini ditambah dengan kewujudan sistem perbankan yang rapuh. Ini merupakan risiko ke atas pertumbuhan dalam jangka masa terdekat. Keadaan ini memerlukan tekanan permintaan dalam negeri diperlahankan di samping melaksanakan reformasi sektor kewangan. Walau bagaimanapun, masalah jangka pendek ini tidak mempengaruhi dengan ketara prospek jangka masa panjang negara-negara membangun, selagi kestabilan ekonomi makro dikekalkan dan langkah-langkah pembaharuan sewajarnya dilaksanakan.

Ekonomi-ekonomi ASEAN

Serangan spekulasi ke atas mata wang negara-negara ASEAN yang bermula pada pertengahan Mei 1997 dijangka memperlahankan pertumbuhan ekonomi di rantau ini kepada 6% pada tahun 1997 (1996: 7.1 %). Kadar inflasi sebaliknya dijangka turun kepada 5.3% pada tahun 1997 (1996: 5.6%) memandangkan langkah-langkah kewangan dan fiskal berhemat yang terus dilaksanakan oleh negara seperti Indonesia, Malaysia dan Filipina.

Pengeluaran

KDNK **Brunei** dijangka berkembang pada kadar 3.5% pada tahun 1997 (1996: 2.8%). Sektor awam yang menerajui pertumbuhan terutamanya dalam

sektor pembinaan dan perkhidmatan dijangka menjadi penyumbang terbesar kepada pembangunan ekonomi seterusnya. Pertumbuhan yang kukuh dijangkakan khususnya di sektor telekomunikasi, pelancongan dan pengangkutan selaras dengan dasar kerajaan mempelbagaikan ekonomi. Pertumbuhan ekonomi **Indonesia** dijangka menurun kepada 7% pada tahun 1997 (1996: 7.8%). Penurunan nilai rupiah dijangka memberi kesan ke atas harga import serta hutang luar negara. Walau bagaimanapun, pengukuhan aktiviti industri dan perdagangan dunia akan memberi kesan yang positif ke atas ekonominya. Ekonomi **Malaysia** dijangka tumbuh pada kadar yang mampan sebanyak 8% pada tahun 1997 (1996: 8.6%) dengan pertumbuhan dua angka dalam sektor perkilangan dan pembinaan. Sektor kecil perkhidmatan seperti pengangkutan dan kewangan juga dijangka menunjukkan prospek pertumbuhan yang kukuh.

Ekonomi **Filipina** dijangka mengekalkan pertumbuhan yang stabil pada kadar 5.6% pada tahun 1997 (1996: 5.7%). Sektor perkilangan, perkhidmatan dan pertanian dijangka menyumbang ke arah pertumbuhan ini. Pembaharuan yang diperkenalkan baru-baru ini dijangka mengukuhkan ekonomi dan menjadikannya lebih bersaing di pasaran dunia. Usaha juga sedang dijalankan untuk membenarkan penswastaaan perkhidmatan terpilih yang sebelum ini dikendalikan oleh Kerajaan. Ekonomi **Singapura** dijangka berkembang hampir 6.5% pada tahun 1997 (1996: 7%) dipacu oleh pemulihan dalam eksport perkilangan, aktiviti pembinaan yang terus kukuh dan sektor kewangan yang teguh. Pemulihan permintaan global elektronik telah menyumbang kepada pemulihan di sektor perkilangan Singapura pada tahun 1997, di mana keluarannya dijangka meningkat sebanyak 9.3%.

Di **Thailand**, pertumbuhan ekonomi diramalkan menjadi perlahan dengan ketara kepada 2.5% pada tahun 1997 (1996: 6.4%), kesan daripada krisis mata wang dan penurunan kadar pertumbuhan eksport dan import yang ketara. Langkah-langkah di bawah program pakej kewangan Tabung Kewangan Antarabangsa dijangka membawa pembaharuan struktur dan meningkatkan prestasi eksport serta juga menstabilkan ekonomi. Di **Vietnam**, pertumbuhan keluaran dijangka menurun kepada 8.8% (1996: 9.3%) disebabkan oleh prestasi perindustrian yang buruk, stok penimbal bagi

Jadual 3.2

**ASEAN: Keluaran Dalam Negara Kasar
Inflasi dan Imbangan Akaun Semasa**

	1996	1997 ^a	1998 ^u
Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (%)			
ASEAN	7.1	6.0	7.5
Brunei	2.8	3.5	5.0
Indonesia	7.8	7.0	7.7
Malaysia	8.6	8.0	7.0
Filipina	5.7	5.6	6.5
Singapura	7.0	6.5	7.5
Thailand	6.4	2.5	3.5
Vietnam	9.3	8.8	8.2
Kadar Inflasi (%)			
ASEAN	5.6	5.3	6.2
Brunei	2.0	3.0	3.0
Indonesia	6.5	6.0	6.5
Malaysia	3.5	2.6*	—
Filipina	8.4	6.3	7.0
Singapura	1.4	2.0	2.0
Thailand	4.8	9.5	5.0
Vietnam	4.5	8.5	11.0
Imbangan Akaun Semasa (% daripada KDNK)			
Brunei	-1.9	-1.4	-4.7
Indonesia	-3.4	-3.6	-3.6
Malaysia (% daripada KNK)	-5.2	-5.0	-4.0
Filipina	-4.5	-4.2	-4.1
Singapura	15.0	15.0	16.0
Thailand	-7.9	-5.0	-3.0
Vietnam	-12.4	—	—

^a Anggaran

^u Unjuran

* Bagi tempoh Januari–September 1997

Sumber: ASEAN Macroeconomic Outlook (Deraf) 1997-98
IMF World Economic Outlook—September 1997.
Asian Development Outlook 1997 and 1998.

barangan utama seperti besi, keluaran petroleum dan baja serta kredit yang ketat di bank-bank yang dibebani dengan hutang yang tidak dibayar.

Inflasi

Kadar inflasi dijangka kekal pada tahap yang rendah di beberapa negara ASEAN. Di **Brunei**, Indeks Harga Pengguna dijangka stabil pada paras 3% (1996: 2%) disebabkan pengurangan duti import ke atas hampir 700 barangan pengguna semenjak April 1995, kawalan harga ke atas beberapa keperluan asas dan pemberian subsidi ke atas gas serta kemudahan awam. Di **Indonesia** langkah-langkah kewangan dan fiskal berhemat untuk mengawal permintaan domestik serta usaha Kerajaan untuk menghapus kekangan penawaran dari segi kapasiti pengeluaran dan pengedaran barangan dijangka melegakan tekanan inflasi pada tahun 1997 kepada 6% (1996: 6.5%). Di **Malaysia**, kadar inflasi bagi tempoh Januari hingga September 1997 adalah 2.6% (1996: 3.5%). Bagi mencegah potensi tekanan inflasi ekoran daripada kejatuhan nilai ringgit dan kesan nilai import yang tinggi, langkah-langkah sedang diambil bagi meningkatkan pengeluaran barangan tempatan termasuk bahan makanan bagi menggantikan import serta langkah-langkah untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Pada tahun 1997, kadar inflasi di **Filipina** diramalkan pada purata 6.3% (1996: 8.4%) terutamanya dengan langkah melegakan keadaan kekurangan bekalan makanan berikutan pemulihan sektor pertanian. Inflasi di **Singapura** dijangka kekal pada tahap yang rendah iaitu 2% pada tahun 1997 (1996: 1.4%). Akibat dari penurunan nilai baht Thailand bersama-sama dengan langkah-langkah di bawah pakej kewangan Tabung Kewangan Antarabangsa, kadar inflasi di **Thailand** dijangka meningkat kepada 9.5% (1996: 4.8%). Kadar inflasi di **Vietnam** dijangka meningkat kepada 8.5% (1996: 4.5%) oleh kerana peningkatan harga minyak dan elektrik, gaji pekerja sektor awam dan kemerosotan nilai mata wang dong.

Perdagangan dan Imbangan Pembayaran

Penurunan nilai mata wang utama ASEAN dijangka mempunyai kesan ke atas kedudukan akaun semasa ekonomi ASEAN pada tahun 1997. Di **Brunei**, kejatuhan harga minyak dunia dijangka mempunyai kesan ke atas pendapatan eksport

oleh kerana hidrokarbon merupakan penyumbang terbesar kepada komponen eksport. Walau bagaimanapun, imbang perdagangan Brunei dijangka bertambah baik sedikit pada tahun 1997.

Indonesia dijangka menghadapi masalah perdagangan jangka pendek akibat dari kesan penurunan nilai mata wang ke atas import. Jumlah import dijangka menurun dengan ketara memandangkan krisis rupiah dan perubahan baru-baru ini dalam peraturan pemeriksaan kastam ke atas barangan import. Pada tahun 1997, defisit akaun semasa diramalkan sebanyak 3.6% daripada KDNK (1996: -3.4% daripada KDNK). Di **Malaysia**, eksport kasar dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 6% pada tahun 1997 (1996: 6.5%). Kejatuhan harga import bagi barangan pembuatan dan komoditi seperti getah, kayu balak dan kayu gergaji mencatatkan pengurangan dalam nilai eksport. Import diramal menunjukkan kadar pertumbuhan yang tinggi iaitu sebanyak 6.6% pada tahun 1997 (1996: 1.5%) disebabkan peningkatan yang kukuh dalam import barangan modal sebanyak 19.8% (1996: -5.7%). Defisit akaun semasa dijangka 5% daripada KNK pada tahun 1997 (1996: -5.2% daripada KNK). Di **Filipina**, defisit akaun semasa dijangka menurun kepada 4.2% daripada KDNK pada tahun 1997 (1996: -4.5%). Ini disebabkan pada umumnya oleh pembaharuan struktur yang sedang dilaksanakan termasuklah liberalisasi perdagangan, pertukaran asing dan pengurusan kewangan. Pada tahun 1997, import barangan dijangka menurun kepada 10.9% (1996: 22.3%) sementara eksport barangan dijangka meningkat kepada 22.9% (1996: 17.7%). **Singapura** dijangka menyaksikan peningkatan dalam eksport bukan berasaskan minyak pada tahun 1997 disebabkan oleh peningkatan permintaan bagi keluaran elektronik berteknologi tinggi seperti separa pengalir, pemacu cakera dan papan litar cetak. Hampir 70% daripada eksport bukan minyak Singapura meliputi keluaran elektronik. Pemulihan dalam eksport dijangka mengekalkan lebihan akaun semasa sebanyak 15% daripada KDNK pada tahun 1997 (1996: 15%). Setelah mencapai 7.9% pada tahun 1996, defisit akaun semasa **Thailand** dijangka mengecil kepada 5% daripada KDNK pada tahun 1997. Langkah-langkah pengubahsuaian ekonomi makro yang akan dilaksanakan akibat daripada krisis kadar pertukaran mata wang dijangka memperbaiki prestasi eksport dan menstabilkan ekonomi. Di **Vietnam**, langkah-langkah khusus sedang dijalankan untuk menggalakkan eksport khususnya eksport beras yang merupakan sumber utama

pendapatan pertukaran asing. Defisit akaun semasa dijangka meningkat pada tahun 1997 (1996: -12.4%).

Kerjasama Ekonomi

Menteri-menteri Kewangan ASEAN yang telah mengadakan mesyuarat pertamanya di Phuket, Thailand pada 1 Mac 1997, bersetuju tentang pentingnya kerjasama yang kukuh dan pragmatik dalam bidang kewangan bagi merealisasikan matlamat integrasi ekonomi yang lebih besar bagi ASEAN. Pelbagai isu telah dibincangkan oleh Menteri-menteri termasuk pembangunan ekonomi wilayah, isu-isu kewangan di persidangan-persidangan antarabangsa dan proses liberalisasi di sektor kewangan. Bagi dasar kerjasama ekonomi makro, Menteri-menteri Kewangan ASEAN bersetuju bahawa perundingan yang lebih kerap berhubung dengan hal-hal kewangan dan ekonomi makro adalah penting memandangkan perubahan dalam ekonomi global.

Menteri-menteri Kewangan ASEAN telah menandatangani 'Persefahaman Peringkat Menteri Bagi Kerjasama ASEAN Dalam Bidang Kewangan' yang menyediakan satu rangkakerja bagi meningkatkan kerjasama di kalangan institusi yang sedia ada dalam beberapa bidang kewangan, termasuk pembiayaan dan perbankan, pasaran kewangan dan modal, kastam, insurans, percukaian dan pembangunan sumber manusia. Perjanjian Persefahaman ASEAN mengenai Kastam telah juga ditandatangani bertujuan untuk meningkatkan kerjasama ASEAN dalam aktiviti pengkastaman, mempercepatkan realisasi awal AFTA dan memudahkan aliran pelaburan dan perdagangan antara wilayah.

Kerjasama Ekonomi ASEAN telah diperkukuhkan seterusnya apabila Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri Ekonomi ASEAN yang telah diadakan di Manila pada 20 November 1996 memutuskan supaya satu Jawatankuasa Kerja ditubuhkan untuk merangka Perjanjian Rangkakerja bagi Kawasan Pelaburan ASEAN (WCAIA). Draft Perjanjian Rangkakerja ini akan dikemukakan kepada Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN ke 30 yang dijadual pada bulan September/Oktober 1998. Kawasan Pelaburan ASEAN dijangka memudahkan pelaburan serantau dengan memberi galakan kepada aliran modal yang lebih bebas, pekerja mahir/profesional dan teknologi

dan disasar untuk mencapai matlamatnya pada tahun 2010. Draf ini akan mengandungi aspek-aspek yang berkaitan dengan promosi pelaburan, kemudahan dan liberalisasi. Persetujuan telah dicapai supaya program liberalisasi pelaburan yang akan diterimapakai di bawah Kawasan Pelaburan ASEAN tidak begitu berstruktur tanpa mengkategorikan sektor perindustrian, menekankan tindakan unilateral dengan jangka masa yang bersesuaian, tetapi harus mematuhi tempoh sehingga tahun 2010. Negara-negara anggota akan menjalankan usaha bersepadu bagi menggalakkan ASEAN sebagai lokasi pelaburan serantau. Kawasan Pelaburan ASEAN akan juga menggesa sektor swasta ASEAN memainkan peranan yang lebih aktif dalam aktiviti-aktiviti pelaburan.

Banyak kemajuan telah dicapai dalam usaha untuk merealisasikan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dengan pemindahan pakej kedua keluaran perkilangan dan pakej pertama keluaran pertanian yang belum diproses dari Senarai Pengecualian Sementara ke Senarai Penyertaan bagi Pelaksanaan Skim Tarif Keutamaan Berkesan Sama Rata (CEPT) yang berkuatkuasa pada bulan Januari 1997. Jumlah bagi had tarif ASEAN yang telah disemak telah meningkat kepada 46,132 pada bulan Januari 1997 daripada 44,752 pada bulan Januari 1996. Dengan pemindahan ini, 91% daripada jumlah had tarif ASEAN adalah di bawah skim CEPT. Had tarif yang lain akan dipindahkan secara berperingkat-peringkat sebelum bulan Januari 2000.

Dengan pelaksanaan pengurangan tarif secara sempurna, ASEAN telah memberi tumpuan kepada pembasmian halangan bukan tarif seperti bayaran surcaj kastam, keperluan teknikal, ciri-ciri keluaran dan langkah-langkah monopolistik. Dewan Perdagangan dan Perindustrian akan menghubungi persatuan-persatuan industri untuk mengumpul maklumat mengenai halangan bukan tarif yang mengekang perkembangan perdagangan.

Kawasan Pertumbuhan Segitiga ASEAN

Ketiga-tiga Kawasan Pertumbuhan Segitiga ASEAN telah menerimapakai pendekatan yang lebih tertumpu kepada melaksanakan usaha-usaha kerjasama ekonomi bagi merealisasikan keuntungan optimum dari persepakatan sektor awam dan swasta. Penekanan diberikan kepada

undang-undang dan peraturan-peraturan yang lebih jelas, dasar-dasar Kerajaan yang lebih telus, usaha-usaha liberalisasi dan kelonggaran bagi memudahkan aliran sumber dan pelaburan yang merentasi sempadan, meningkatkan kemudahan masuk serta menambahkan keberkesanan dan kecekapan mekanisma institusi kawasan serantau serta proses organisasi.

Kawasan Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Singapura (IMS-GT), yang baru-baru ini telah menggabungkan wilayah-wilayah Indonesia seperti Bengkulu, Jambi, Lampung, Sumatera Selatan dan Kalimantan Barat telah mengenalpasti perlunya membangunkan perjalanan bebas khususnya bagi pengembara melalui laut. Usaha bersepadu dalam menyelaraskan prosidur Kuarantin, Kastam dan Imigresen (CIQP) juga sedang dilaksanakan bagi mengukuhkan perhubungan perjalanan dan pelancongan wilayah serta membangunkan pelancongan kapal layar dan marin. Di kawasan **Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA)**, usaha-usaha juga sedang diambil untuk menghapuskan cukai perjalanan dan menyelaraskan urusan merentas sempadan. Brunei telah memperkenalkan visa persinggahan 72 jam yang berkuatkuasa pada bulan April 1997. Semua pelancong melalui laut dan darat dari Indonesia, Filipina dan Thailand boleh memasuki Brunei Darussalam tanpa visa untuk tempoh melebihi 14 hari. Sebagai tambahan, langkah-langkah sedang dilaksanakan bagi memperbaiki perkhidmatan udara, perhubungan darat dan perkhidmatan feri di kawasan pertumbuhan segitiga. Indonesia telah juga mengecualikan warganegaranya dari **Kawasan Pertumbuhan Segi-tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT)** yang melawat negara-negara jiran lain dari membayar cukai fiskal yang akan dapat meningkatkan bilangan pelancong Indonesia. Di kedua-dua kawasan pertumbuhan **IMT-GT** dan **BIMP-EAGA**, Pasukan Petugas telah ditubuhkan bagi mengkaji mekanisma institusi dan proses organisasi kerjasama.

Sektor swasta telah menunjukkan minat yang begitu menggalakkan dalam membangunkan kawasan pertumbuhan segitiga berdasarkan kepada bilangan perjanjian persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani yang bernilai RM11.1 bilion di **IMT-GT** dan RM1 bilion di **BIMP-EAGA**. Walau bagaimanapun, pelaksanaan MoU menghadapi beberapa masalah, terutamanya

dalam sektor perikanan dan industri-pertanian. Masalah-masalah tersebut termasuklah halangan prosidur yang menyekat pergerakan barangan merentas sempadan, tambang kapal yang tinggi di wilayah ASEAN, perkhidmatan dan kemudahan pengangkutan yang tidak mencukupi, halangan perundangan berhubung dengan sewa tanah dan sistem pemilikan tanah dan undang-undang serta peraturan yang kurang telus terutamanya berhubung dengan import keluaran pertanian.

Meskipun begitu, sektor swasta di kawasan pertumbuhan segitiga terus berusaha mempromosikan wilayah-wilayahnya serta meningkatkan penyebaran maklumat. Dalam **IMT-GT**, buku panduan Majlis Usahasama Perniagaan (JBC) mengenai Peluang-peluang Pelaburan telah dilancarkan dan halaman Internet JBC juga ditubuhkan. Di **BIMP-EAGA**, 'Seminar Perniagaan Antarabangsa mengenai BIMP-EAGA' dan seminar 'Peluang-peluang di BIMP-EAGA' masing-masing telah diadakan di Malaysia dan Indonesia. Seminar mengenai 'Promosi Pelaburan di BIMP-EAGA' yang telah diadakan di Tokyo pada bulan Mac 1997, merupakan seminar pertama di luar wilayah EAGA.

Bidang-bidang kerjasama baru yang diusahakan di kawasan pertumbuhan segitiga termasuklah penubuhan Pusat Pembangunan dan Penyelidikan IMS-GT di Pulau Pinang, Malaysia; penubuhan zon telekomunikasi khas di IMT-GT; rancangan pelancongan bagi tempoh dua tahun untuk IMT-GT; kajian infrastruktur untuk IMS-GT yang akan dibiayai oleh Asian Development Bank; penubuhan pusat Pendidikan Wilayah di Davao, Filipina; ringkasan maklumat mengenai Pasaran Buruh dan Program Latihan Orientasi Pra-Berlepas untuk BIMP-EAGA; penubuhan pusat-pusat cemerlang dalam pembangunan sumber manusia di BIMP-EAGA serta kerjasama dan perkongsian kepakaran dan juga sumber-sumber latihan di BIMP-EAGA.

Dari segi sumber kewangan bagi menggalakkan pelaburan di kawasan segitiga, Tabung-tabung Pertumbuhan telah dicadang untuk ditubuhkan. Di **IMT-GT**, terdapat cadangan untuk menubuhkan Tabung Pertumbuhan yang akan diterajui oleh sektor swasta, mampu berdikari dan menumpu kepada pemberian bantuan untuk industri kecil dan sederhana di wilayah tersebut. Di **IMS-GT**, tabung yang serupa mungkin ditubuhkan setelah keperluan sektor swasta dikaji. Di **BIMP-EAGA**, beberapa cadangan pembiayaan sedang disusun

oleh sektor swasta di negara-negara peserta. Kumpulan kerja bagi Pembentukan Modal dan Perkhidmatan Kewangan telah mengeluarkan garis panduan cadangan pembiayaan untuk mendapatkan pengesahan supaya para penganjur tabung berkenaan akan memberi komitmen yang sepenuhnya.

Ekonomi Negara-negara Asia Timur Laut

Ekonomi Negara-negara Asia Timur Laut merangkumi China, Korea Selatan, Hong Kong, China dan Taiwan sebagai satu kumpulan dijangka mencatat pertumbuhan sederhana pada tahun 1997. Walau bagaimanapun, China, adalah terkecuali daripada kumpulan ini dengan kadar pertumbuhan yang terus memberangsangkan melebihi 9%. Secara keseluruhannya, pertumbuhan KDNK bagi tiga buah negara lain dijangka berada dalam lingkungan 5.3% hingga 6.2%.

Pengeluaran

Pada tahun 1997, pertumbuhan KDNK **China** dijangka kekal pada paras yang tinggi sebanyak 9.5% (1996: 9.7%), berikutan prestasi yang teguh dalam sektor eksportnya. Pengeluaran industri dijangka meningkat sebanyak 11.6% dengan pelaburan aset tetap meningkat sebanyak 13.5%. Pasaran dalam negeri dijangka berkembang dengan jualan runcit kepada pengguna dan jualan barangan modal masing-masing mencatat pertumbuhan sebanyak 12% dan 8.3%. Di **Korea Selatan**, pertumbuhan dijangka sederhana sebanyak 6% (1996: 7.1%). Ekonomi yang perlahan sebahagiannya mencerminkan kesan masalah ekonomi seperti kenaikan gaji yang rendah, pekerja mogok membantah reformasi buruh dan peningkatan bilangan sektor korporat yang gagal membayar hutang menyebabkan kelembapan penggunaan dan pelaburan korporat. Kegagalan sektor korporat pada awal tahun 1997 dan seterusnya kegagalan mereka membayar hutang telah menyebabkan ketidakstabilan di pasaran kewangan dan memperlambatkan pelaburan. Walau bagaimanapun, institusi-institusi kewangan telah mengetatkan lagi urusan pinjaman. Keyakinan telah meningkat pada separuh kedua tahun 1997, didorong oleh peningkatan eksport disebabkan oleh harga barangan ekport utama lebih tinggi seperti separa pengalir, keluli dan keluaran

Jadual 3.3

Asia Timur Laut: Keluaran Dalam Negara Kasar, Inflasi dan Imbangan Akaun Semasa


	1996	1997 ^a	1998 ^u
Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (%)			
China	9.7	9.5	10.0
Hong Kong, China	4.9	5.3	5.0
Korea Selatan	7.1	6.0	6.0
Taiwan	5.7	6.2	6.4
Kadar Inflasi (%)			
China	6.1	4.5	4.0
Hong Kong, China	6.0	7.1	6.5
Korea Selatan	5.0	4.5	4.1
Taiwan	3.1	2.8	3.4
Imbangan Akaun Semasa (AS\$b)			
China	3.9	2.5	-9.4
Hong Kong, China	-1.1	-2.2	-0.4
Korea Selatan	-23.7	-20.0	-17.3
Taiwan	10.5	9.9	9.4

^a Anggaran

^u Unjuran

Sumber: Laporan Negara, IMF World Economic Outlook September 1997.

Carta 3.3
Negara-Negara Membangun -
Petunjuk-Petunjuk Ekonomi Utama



1/ Anggaran median

Sumber: IMF World Economic Outlook, September 1997

petrokimia. **Taiwan** dijangka terus mengalami pertumbuhan yang menggalakkan sekitar 6.2% pada tahun 1997 (1996: 5.7%), berasaskan pertumbuhan penggunaan swasta yang berterusan, peningkatan pelaburan kasar dalam negeri dan kenaikan yang kukuh di sektor eksport. Pada bulan Jun 1997, keluaran perindustrian meningkat kepada kadar tahunan sebanyak 5.3%, sementara eksport sebanyak 6%. Sektor perkhidmatan dijangka terus berkembang dengan pesat pada tahun 1997 kepada 7.5%. **Hong Kong, China** meneruskan prestasi yang mengagumkan dengan pemindahan ke bawah penguasaan China telah berjalan dengan lancar. Harga saham dan hartanah meningkat berikutan penggunaan swasta berkembang pesat, sementara penggunaan pelaburan turut mendapat faedah daripada peningkatan aktiviti pembinaan. Pertumbuhan bagi tahun 1997 dianggar pada kadar 5.3% (1996: 4.9%), yang disumbangkan terutamanya oleh sektor luaran dan pemulihan permintaan dalam negeri yang kukuh.

Inflasi

Inflasi di Negara-negara Asia Timur Laut secara keseluruhannya dijangka sederhana, di antara 3%-7%. Di **China**, inflasi dijangka sederhana pada paras 4.5% pada tahun 1997 (1996: 6.1%), disebabkan oleh bekalan makanan yang bertambah berikutan pengeluaran hasil pertanian yang baik, berserta dengan pengetatan kredit kepada perniagaan milik Kerajaan. Inflasi di **Korea Selatan** dijangka kembali turun kepada 4.5% (1996: 5%) disebabkan oleh tekanan permintaan agregat yang terus perlahan, harga import yang stabil dan tekanan ke atas kenaikan gaji berkurangan. Kadar inflasi di **Taiwan** dijangka berkurangan kepada 2.8% (1996: 3.1%). Tekanan inflasi yang minima ini disebabkan oleh peningkatan upah bulanan purata di sektor perkilangan tidak melebihi inflasi harga pengguna. Permohonan pekerjaan yang berlebihan di sektor perkhidmatan telah mengurangkan tekanan kenaikan upah, dan

membantu membendung inflasi ke paras yang rendah. Di **Hong Kong, China** inflasi berjaya dikawal pada separuh pertama tahun 1997 melalui penurunan harga makanan, dengan inflasi harga pengguna sebanyak 5.9%. Kadar inflasi berkemungkinan meningkat dengan pengukuhan aktiviti dalam negeri pada separuh kedua. Pada keseluruhan tahun 1997, inflasi dijangka berada pada paras 7.1% (1996: 6%).

Perdagangan dan Imbangan Pembayaran

Secara amnya, prestasi perdagangan di negara-negara Asia Timur Laut dijangka baik disokong oleh eksport yang melonjak pada separuh kedua tahun 1997. Kedudukan akaun semasa walau bagaimanapun, adalah bercampur-campur dengan China dan Taiwan mencatatkan lebih, sementara Korea dan Hong Kong, China terus mengalami defisit.

Perkembangan perdagangan di **China** pada separuh pertama tahun 1997 terus menunjukkan kedudukan yang kukuh di dalam akaun dagangan. Lebih perdagangan bagi lapan bulan pertama melebar kepada AS\$25.5 bilion. Eksport telah meningkat sebanyak 24.1% berbanding tempoh yang sama tahun lepas, sementara import hanya meningkat sebanyak 1.5%. Lebih akaun semasa dijangka kekal sebanyak 0.3% daripada KDNK pada tahun 1997. Di **Korea Selatan**, dengan pertumbuhan eksport lebih mampan pada separuh kedua tahun 1997, dan disertai oleh import yang sederhana, defisit akaun semasa dijangka berkurangan sedikit ke paras di bawah AS\$20 bilion (1996: AS\$24 bilion). Di **Taiwan**, pertumbuhan eksport yang meningkat dengan kukuh dijangka membawa kepada kenaikan jumlah lebih perdagangan kepada hampir AS\$19 bilion pada tahun 1997 (1996: AS\$18.1 bilion). Walau bagaimanapun, lebih pendapatan yang lemah dan defisit perkhidmatan yang tinggi berserta dengan pindahan semasa akan menyekat lebih akaun semasa kepada AS\$9.9 bilion pada tahun 1997. Eksport bagi **Hong Kong, China**, secara relatifnya menunjukkan prestasi yang sederhana pada tahun 1997 dan dijangka meningkat berikutan permintaan yang bertambah oleh China bagi barangan mentah untuk pemprosesan dan permintaan import AS. Akaun semasa dijangka terus mengalami defisit sebanyak AS\$2.2 bilion (1996: -AS\$1.1 bilion).

Negara-negara Membangun Yang Lain

Pengeluaran

Pada keseluruhannya, pertumbuhan negara-negara membangun yang lain di Asia Selatan, Amerika Latin, Afrika dan Timur Tengah dijangka sederhana pada tahun 1997. Kadar penurunan pertumbuhan adalah lebih besar di Afrika daripada 5.2% pada tahun 1996 kepada 3.7% pada tahun 1997, sementara perubahan di rantau-rantau lain adalah kurang ketara. Di rantau **Asia Selatan**, kadar pertumbuhan keseluruhan dijangka lebih rendah berbanding pada tahun 1996, disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang perlahan di **Pakistan** berikutan daripada krisis imbalan pembayaran pada tahun 1996 dan langkah-langkah pelarasan yang diambil. Pakistan dijangka mencatat kadar pertumbuhan sebanyak 3.1% pada tahun 1997 (1996: 5.1%). Kadar pertumbuhan di **India** dijangka mencatat 6.6% pada tahun 1997 hasil prestasi sektor pertanian yang meningkat berikutan musim monsun yang baik. Di **Sri Lanka**, dengan berakhirnya musim kemarau dan kekurangan tenaga kuasa, pertumbuhan yang telah merosot kepada 3.8% pada tahun 1996 dijangka kembali pulih kepada hampir 6% pada tahun 1997. Di **Bangladesh**, pertumbuhan dijangka mencapai 5.7% pada tahun 1997 sebahagiannya didorong oleh peningkatan pengeluaran pertanian.

Pertumbuhan ekonomi di **Amerika Latin** dijangka mencapai 4.1% pada tahun 1997 (1996: 3.4%). Pelaksanaan dasar kewangan yang berdisiplin, menerima pakai pembaharuan struktur dan fiskal bagi meningkatkan penyertaan sektor swasta dan mengurangkan saiz sektor awam, semuanya dijangka menyumbang kepada pemulihan ekonomi wilayah ini. Pertumbuhan di **Mexico** dijangka kekal kukuh pada kadar 4.5% pada tahun 1997 (1996: 5.1%) dengan prestasi eksport yang kukuh dan peningkatan aliran masuk modal asing. Dasar kewangan yang telah dilonggarkan pada tahun 1997, dijangka membantu memulihkan permintaan dalam negeri serta menggalakkan pertumbuhan. **Argentina** merupakan negara yang mengalami pertumbuhan terpanjang di Amerika Latin dengan KDNK dijangka meningkat sebanyak 6% pada tahun 1997 (1996: 4.4%) mencerminkan kemajuan berterusan dengan pembaharuan, persekitaran harga yang stabil dan keuntungan sampingan berkaitan dengan keyakinan sektor swasta. Ekonomi **Brazil** diramalkan berkembang sebanyak 3.5% pada

tahun 1997 (1996: 2.9%) dan ini mencerminkan kejayaan Rancangan Real yang dilancarkan pada bulan Julai 1994. Penurunan yang ketara tekanan inflasi bersama dengan penswastaan perusahaan milik negara yang menggalakkan pelaburan langsung dan portfolio dijangka menyumbang kepada pertumbuhannya. Ekonomi **Venezuela** sedang pulih dengan KDNK dijangka berkembang sebanyak 3.7% pada tahun 1997 (1996: -1.6%). Pemulihan ini dijangka disebabkan oleh tahap pelaburan asing yang tinggi. Di **Chile**, pertumbuhannya menurun sedikit kepada kadar 5.5% pada tahun 1997 (1996: 7.2%) kesan daripada kadar faedah yang tinggi dan syarat-syarat perdagangan yang telah menjadi bertambah buruk disebabkan kelemahan eksport.

Bagi rantau **Timur Tengah**, pertumbuhan purata dijangka kekal di antara 4%-5% pada tahun 1997, walaupun harga minyak telah turun sedikit. Dasar fiskal yang ketat, dasar kewangan yang lebih berhemat dan kejayaan melaksanakan perubahan struktur telah meningkatkan prestasi ekonomi makro di rantau ini. Perkembangan yang paling kukuh telah di alami oleh di **Mesir, Republik Islam Iran, Jordan, Lebanon, Turki dan Yemen**, dengan kadar pertumbuhan dijangka antara 5%-7.5% pada tahun 1997. Di **Arab Saudi**,

pertumbuhan ekonomi dijangka perlahan kepada 1.8% pada tahun 1997 berbanding 2.4% pada tahun 1996, oleh kerana harga tenaga dijangka rendah.

Di **Afrika**, pertumbuhan dijangka lemah kepada 3.7% pada tahun 1997 berikutan pertumbuhan sebanyak 5.2% pada tahun 1996 yang secara relatifnya menggalakkan. Sebab utama adalah kerana kemarau dan suasana politik yang tidak menentu di kebanyakan kawasan di Afrika Utara. Hasil pengeluaran di **Maghribi, Algeria dan Tunisia** telah menurun. Di **Nigeria**, sungguhpun pemulihan semula pengeluaran industri dijangka lebih perlahan, pertumbuhan dijangka menunjukkan peningkatan sedikit mencapai 3.6% pada tahun 1997 (1996: 2.4%). Di **Afrika Selatan**, ekonomi dijangka perlahan kepada 2.2% pada tahun 1997 berbanding 3.1% pada tahun 1996. Di **Kenya**, tinjauan dijangka tidak memberansangkan dengan pertumbuhan merosot kepada 3.5% (1996: 4.2%). Di tempat-tempat lain di Afrika, negara-negara yang menggunakan mata wang Perancis menjangka pemulihan yang berterusan hasil daripada pelaksanaan dasar penstrukturan dan ekonomi makro yang kukuh, sementara di negara-negara **Sub-Sahara Afrika**, pertumbuhan dijangka kekal dalam lingkungan 5%-5.5%.

Jadual 3.4

Negara-negara Membangun: Pengeluaran, Inflasi dan Imbangan Akaun Semasa

	1996			1997 ^a			1998 ^u		
	KDNK Benar (%)	Inflasi ¹	Imbangan Akaun Semasa ²	KDNK Benar (%)	Inflasi ¹	Imbangan Akaun Semasa ²	KDNK Benar (%)	Inflasi ¹	Imbangan Akaun Semasa ²
Negara-negara Membangun Mengikut Rantau	6.5	13.2	-81.0	6.2	10.0	-109.0	6.2	8.9	-134.0
Afrika	5.2	25.0	-9.0	3.7	14.8	-9.0	5.0	7.9	-11.0
Asia	8.2	6.6	-42.0	7.6	5.8	-42.0	7.4	5.9	-42.0
Amerika Latin	3.4	20.5	-38.0	4.1	13.5	-63.0	4.4	10.3	-80.0
Timur Tengah	4.8	24.8	8.0	4.6	22.1	6.0	4.2	24.2	-1.0

¹ Harga-harga pengguna-purata diwajarkan

² AS\$ billion

^a Anggaran

^u Unjuran

Sumber: IMF World Economic Outlook, September 1997

Di kalangan negara **Asia Selatan**, inflasi di **India** dijangka kekal sederhana pada paras 7.1% (1996: 7.3%) walaupun defisit fiskal yang besar masih mendedahkan risiko kepada inflasi. Inflasi di **Pakistan** dan **Bangladesh** dijangka meningkat masing-masing kepada 11.2% dan 4.9% pada tahun 1997 daripada 10.4% dan 3.9% pada tahun 1996. Dengan meningkatnya bekalan makanan, inflasi di **Sri Lanka** dijangka menyusut kepada satu digit pada tahun 1997 berbanding kadar inflasi sebanyak 15.9% pada tahun 1996.

Inflasi di kebanyakan negara Amerika Latin telah menurun kepada tahap yang rendah melalui dasar kewangan dan fiskal yang berhemat. Pada tahun 1997, kadar inflasi di rantau ini dijangka terus rendah kepada 13.5% (1996: 20.5%) dengan Mexico pada paras 21.4% (1996: 34.4%), Brazil pada paras 8% (1996: 11.1%), dan Chile pada paras 6.1% (1996: 7.4%). Harga-harga di Argentina dijangka kekal stabil pada kadar 1.1% (1996: 0.2%) sementara kadar inflasi di Venezuela dijangka menurun dengan ketara kepada 47.1% (1996: 99.9%).

Di **Afrika**, prestasi dijangka bertambah baik dengan inflasi menurun daripada 25% pada tahun 1996 kepada 14.8% pada tahun 1997. Sebahagian besar negara dijangka mengalami inflasi yang rendah dengan **Cameroon** dan **Algeria**, mencatatkan keputusan yang mengagumkan dan negara-negara lain seperti **Cote d'Ivoire**, **Tunisia**, **Maghribi** dan **Uganda** mengekalkan kadar inflasi yang rendah. Di **Nigeria**, inflasi kekal tinggi sungguhpun berkurangan kepada 18% pada tahun 1997 daripada 29.3% pada tahun 1996.

Inflasi di negara-negara **Timur Tengah** dijangka kekal di sekitar 22.1% (1996: 24.8%). Di **Turki**, inflasi dijangka terus menghampiri 79% (1996: 82.3%). Di **Jordan**, inflasi dijangka merosot kepada 4% (1996: 6.5%), sementara di **Kuwait**, inflasi terus kekal rendah pada paras 1.2%. Di **Arab Saudi**, komitmen Kerajaan untuk mengekalkan nilai rial dan mengurangkan kecairan wang akan memastikan harga yang stabil dalam jangka panjang. Inflasi dijangka terus turun di bawah 1% pada tahun 1997 (1996: 1%).

Prestasi perdagangan bagi kumpulan negara-negara membangun ini dijangka sederhana pada tahun 1997. Eksport **Afrika** dijangka meningkat sebanyak 5.9% mencapai AS\$115 bilion pada tahun 1997 (1996: AS\$108.6 bilion). Import dijangka meningkat dengan pantas sebanyak 7.6% kepada AS\$106.7 bilion (1996: AS\$99.2 bilion). Akaun semasa di beberapa negara di rantau ini melebar pada tahun 1996 disebabkan oleh kejatuhan harga berbagai komoditi. Defisit akaun semasa pada tahun 1997 walau bagaimanapun, dijangka kekal seperti pada tahun 1996, sebanyak AS\$9 bilion.

Dengan peningkatan pertumbuhan dan aliran masuk modal, defisit akaun semasa negara-negara **Amerika Latin** dijangka meningkat pada tahun 1997. Di **Mexico**, kedudukan defisit akaun semasa dijangka semakin buruk iaitu kepada 1.8% daripada KDNK (1996: -0.6% daripada KDNK) ketika ekonomi terus berkembang. Begitu juga dengan akaun semasa **Argentina** yang dijangka semakin merosot kepada 2.8% daripada KDNK (1996: 1.9% daripada KDNK), dan di **Brazil** kepada 4.6% daripada KDNK (1996: 3.2%). Walau bagaimanapun, di **Chile**, kedudukan defisit akaun semasa dijangka bertambah baik kepada 3.4% daripada KDNK pada tahun 1997 (1996: -4.1% daripada KDNK). Defisit akaun semasa **Venezuela** juga dijangka bertambah baik kepada 6% pada tahun 1997 (1996: -9% daripada KDNK).

Import negara-negara **Asia Selatan**, dijangka lebih tinggi berbanding eksport menghasilkan defisit di dalam imbangan perdagangan hampir kepada AS\$17.4 bilion (1996: -AS\$16 bilion). Walau bagaimanapun, defisit akaun semasa dijangka kekal sebanyak AS\$2.6 bilion, sama seperti yang dicatatkan pada tahun 1996. Perdagangan luar di **Timur Tengah**, dijangka sederhana pada tahun 1997. Dengan pertumbuhan import yang melebihi pertumbuhan eksport, imbangan perdagangan dijangka turun kepada AS\$21.3 bilion daripada AS\$26.2 bilion pada tahun 1996. Lebihan akaun semasa juga dijangka berkurangan kepada AS\$6 bilion (1996: AS\$8 bilion).

Prospek Tahun 1998

Perkembangan kukuh ekonomi dunia yang dijangka pada tahun 1997 diramal berterusan pada tahun 1998 dengan pertumbuhan pengeluaran

sebanyak 4.3%, iaitu kadar yang mungkin boleh berkekalan untuk beberapa tahun. Dalam jangka masa sederhana, purata KDNK dunia diramal meningkat sebanyak 4.5% sehingga tahun 2002 berbanding purata 3.75% dalam tempoh sejak tahun 1970an. Pertumbuhan akan dipacu oleh prestasi ekonomi yang semakin baik di negara-negara membangun dan pemulihan yang kukuh di negara-negara peralihan, walaupun pertumbuhan di negara-negara perindustrian perlahan sedikit. Pengeluaran di **negara-negara perindustrian** diramal perlahan sedikit pada tahun 1998 kepada sebanyak 2.7% berikutan usaha AS untuk merendahkan kadar pertumbuhan ke tahap yang lebih mampan, sementara kesan negatif penyatuan fiskal di negara-negara Kesatuan Eropah bermula sejak tahun 1993 dan di Jepun sejak tahun 1997 terus menyekat aktiviti ekonomi. Pertumbuhan ekonomi di **AS** diramal mencapai sebanyak 2.6% dengan kadar inflasi naik sedikit kepada 2.8% mencerminkan ekonomi yang semakin perlahan ke tahap yang lebih mampan yang disumbangkan oleh pembelanjaan pengguna yang sederhana dan pelaburan perniagaan yang perlahan. Aktiviti ekonomi di **Jepun** diramal memecut pada tahun 1998 kepada 2.1%, disokong oleh keadaan pasaran buruh yang semakin baik dan permintaan luar negeri yang semakin meningkat. Pertumbuhan di negara-negara **Kesatuan Eropah** secara keseluruhannya diramal meningkat sebanyak 2.8% pada tahun 1998 dengan purata kadar inflasi meningkat sedikit kepada 2.2% berbanding tahun 1997. Pengangguran diramal lebih rendah pada paras 10.7% pada tahun 1998 berbanding 11.1% pada tahun 1997 dengan pengangguran di Jerman dan Perancis terus menghampiri paras tertinggi sejak perang tamat. Pengeluaran di Jerman dan Perancis diramal meningkat kepada 2.8% dan 2.1% dipacu oleh eksport yang semakin pantas dan kekukuhan penggunaan swasta yang menyokong agregat permintaan. Pengangguran di **Jerman** dan **Perancis**, dijangka rendah sedikit kepada 11.2% dan 12.3% pada tahun 1998. Pertumbuhan di **UK** diramal sederhana kepada 2.6% pada tahun 1998 hasil usaha-usaha kerajaan untuk memperlahankan ekonomi ke tahap yang lebih mampan. Pasaran buruh yang semakin ketat dijangka membawa tekanan ke atas upah dan permintaan yang akan menyebabkan kadar inflasi meningkat sedikit kepada 2.7% pada tahun 1998.

Ekonomi negara-negara Asia Timur sebagai satu kumpulan dijangka terus mengalami pertumbuhan yang tinggi, di antara 7%-8% pada

tahun 1998. Ekonomi **China** diramal meningkat kepada 10% pada tahun 1988 berikutan dasar kewangan yang ketat, pelaksanaan kadar faedah dan kadar pertukaran yang lebih longgar, dan harga yang lebih stabil berikutan hasil pertanian yang lebih baik. Di **Korea Selatan**, pertumbuhan ekonomi dijangka meningkat kepada 6% pada tahun 1998, sungguhpun pertumbuhan dalam jangka masa pendek dijangka perlahan disebabkan oleh kegagalan di sektor korporat dan kewangan. Di **Taiwan** pertumbuhan KDNK dijangka mencapai 6.4% pada tahun 1998 disebabkan oleh pertumbuhan pelaburan swasta yang berterusan dan eksport yang semakin kukuh. Ekonomi **Hong Kong, China** dijangka meningkat dengan kadar yang baik kepada hampir 5% pada tahun 1998. Sebarang kesan negatif disebabkan oleh langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Wilayah Pentadbiran Khas (SAR) untuk meredakan pasaran hartanah dijangka mempunyai kesan sederhana.

Prospek bagi negara-negara membangun pada tahun 1998 secara umumnya adalah memberangsangkan didokong oleh pertumbuhan perdagangan dunia dan aliran modal antarabangsa. Pertumbuhan di negara-negara membangun pada tahun 1998 diramal dalam lingkungan 6%-6.5%. Di **Afrika**, pertumbuhan dijangka kembali kepada 5% pada tahun 1998. Walau bagaimanapun, prospek pertumbuhan di kalangan negara-negara masih berbeza-beza dengan Cote d'Ivoire, Mali, Ethiopia, Senegal, Botswana, Malawi dan Uganda dijangka terus mendapat faedah daripada pelaksanaan dasar struktur dan ekonomi makro yang kukuh. Sebaliknya, di **Afrika Selatan**, kestabilan dan perubahan yang berterusan diperlukan untuk meningkatkan pertumbuhan, sementara di **Nigeria**, perubahan struktur yang besar perlu dilaksanakan.

Pertumbuhan ekonomi di **Timur Tengah** dijangka dikekalkan pada kadar sekitar 4.2%, dengan inflasi terus tinggi. Dasar yang dilaksanakan untuk menstabilkan ekonomi makro dan pembaharuan struktur telah mengukuhkan kedudukan ekonomi negara-negara untuk menyahut cabaran ekonomi dalam jangka masa pendek dan sederhana. Melalui dasar fiskal yang ketat, kemajuan ke arah penyatuan fiskal telah menjadi lebih nyata, khususnya di kebanyakan negara pengeksport minyak. Usaha-usaha akan diteruskan oleh negara-negara tersebut untuk memperbagaikan asas keluaran dan meningkatkan penyertaan sektor swasta di sektor penapisan

minyak dan petrokimia. Di **Asia Selatan**, pertumbuhan dijangka di sekitar 6.8%, dengan **India, Pakistan** dan **Bangladesh** dijangka mengalami prestasi pertumbuhan yang meningkat dan mampan disokong oleh penguatkuasaan langkah-langkah fiskal dan pembaharuan struktur.

Pertumbuhan ekonomi di negara-negara ASEAN dijangka bertambah baik kepada 7.5% pada tahun 1998 hasil daripada langkah-langkah untuk mengekalkan keyakinan dalam asas-asas ekonomi di rantau ini. Inflasi dijangka kekal pada tahap 6.2% dengan penerusan dasar fiskal dan kewangan yang ketat. Di **Brunei**, pertumbuhan dijangka meningkat dengan pesat kepada 5% berikutan dengan usaha Kerajaan untuk mempelbagaikan ekonominya. Inflasi akan kekal di bawah paras 3% pada tahun 1998. **Indonesia** dijangka meneruskan pertumbuhan stabil pada kadar 7.7% pada tahun 1998 disokong oleh pertumbuhan eksport dan tahap pelaburan yang tinggi. Inflasi disasarkan pada 6.5% melalui kombinasi dasar kewangan yang ketat dan belanjawan konservatif. Ekonomi **Malaysia** dijangka berkembang pada tahap yang mampan iaitu 7.0% pada tahun 1998 dengan langkah-langkah untuk mengukuhkan kestabilan ekonomi makro dan mengekalkan keyakinan pelabur dalam pasaran modal. Di **Filipina** KDNK dijangka berkembang pada kadar 6.5% pada tahun 1998. Pertumbuhan akan berpunca dari sektor perkhidmatan dan industri. Kadar inflasi dijangka meningkat kepada 7% pada tahun 1998. Di **Singapura**, pertumbuhan KDNK diramalkan meningkat kepada 7.0% pada tahun 1998 berdasarkan prospek yang kukuh dalam sektor elektronik serta ramalan pertumbuhan yang kukuh dalam sektor perkhidmatan. Inflasi akan kekal pada kadar 2%. Di **Thailand**, langkah-langkah sedang dilaksanakan bagi melonggar dan menyusun semula sektor kewangan, menggalakkan pembangunan institusi kewangan dan meningkatkan pertumbuhan simpanan. Thailand dijangka mengalami pemulihan yang perlahan pada tahun 1998, dengan KDNK diramal berkembang pada kadar 3.5%. Kemelut krisis mata wang dijangka meningkatkan kadar inflasi kepada 5% pada tahun 1998. KDNK di **Vietnam** dijangka berkembang pada kadar sederhana iaitu 8.2% pada tahun 1998 dengan inflasi pada paras 11%.

Di **Amerika Latin**, dengan bertambah baiknya asas-asas ekonomi melalui pemulihan semasa

yang telah bermula pada pertengahan tahun 1996 berserta dengan dasar kewangan dan fiskal yang berhemat, pertumbuhan yang kukuh dijangka dapat dikekalkan. KDNK benar pada tahun 1998 untuk wilayah ini dijangka tumbuh sebanyak 4.4% dengan Mexico diramalkan berkembang pada kadar 4.1%, Brazil, 4%, Chile, 6%, Argentina, 4.5% dan Venezuela, 5%.

Isu-isu Ekonomi Dunia

Di samping tinjauan yang memberangsangkan pada tahun 1997 dan 1998, terdapat risiko dan kelemahan yang boleh membawa kesan ke atas ekonomi dan keadaan kewangan dunia. Antara perkara-perkara utama yang membimbangkan ini termasuklah risiko **kepanasan ekonomi, ketidakstabilan fiskal, ketidaktentuan pewujudan Kesatuan Ekonomi dan Kewangan dan pengangguran struktural yang tinggi di Eropah** dan **globalisasi pasaran kewangan**. Masalah yang paling hampir dengan Malaysia adalah krisis baht Thailand yang meletus pada bulan Julai 1997 dan menyebabkan kesan limpahan ke atas negara-negara serantau yang lain.

Walaupun kadar inflasi dunia dalam beberapa tahun kebelakangan ini turun dengan ketara kepada paras terendah sejak awal tahun 1960an, tekanan harga dijangka muncul semula terutamanya di negara-negara Eropah yang telah mencapai tahap penggunaan kapasiti penuh di dalam pasaran barangan dan buruh, termasuklah juga pasaran harta. Pasaran ekuiti di Amerika Utara dan Eropah melonjak naik hasil daripada kedudukan kewangan kukuh sektor korporat. Walaupun tinjauan pasaran pelaburan modal memberangsangkan, harga semasa di pasaran saham terlalu tinggi dan dalam beberapa kes tertentu ianya tidak sejajar dengan keadaan sebenar. Dengan yang demikian, sebarang langkah pembetulan yang dilaksanakan khususnya kenaikan kadar faedah jangka panjang di AS akan membawa kesan ke atas pasaran kewangan di seluruh dunia. Keadaan ini akan menjejaskan keyakinan perniagaan dan pelaburan di Jepun dan juga prospek pemulihan ekonomi yang lebih kuat di benua Eropah. Di Asia Tenggara, masalah yang dihadapi di sektor hartanah boleh menyebabkan krisis kewangan di beberapa negara sekiranya langkah-langkah untuk membendung masalah ini tidak dilaksanakan di peringkat awal.

Ketidakseimbangan fiskal merupakan ancaman yang terbesar kepada kestabilan kewangan di kebanyakan rantau dan banyak negara telah meningkatkan usaha-usaha untuk membendung defisit fiskal. Reformasi struktural perlu dilaksanakan secara meluas di semua rantau untuk mengelakkan halangan kepada penggunaan optima dan pengagihan sumber yang berkesan serta memastikan ekonomi tahan lasak kepada perkembangan kurang baik. Reformasi pasaran buruh, perswastaaan dan pengurangan subsidi terus menjadi keutamaan di kalangan negara perindustrian.

Tarikh pewujudan mata wang tunggal Kesatuan Ekonomi dan Kewangan (EMU) Eropah yang semakin hampir telah memaksa badan-badan kewangan Eropah melaksanakan dasar belanjawan yang ketat dan mengamalkan dasar kewangan yang lebih lega. Walau bagaimanapun, terdapat ketidaktentuan dan risiko ketegangan di pasaran kewangan berikutan pencapaian negara-negara Eropah yang berbeza-beza. Kebanyakan negara anggota Kesatuan Eropah masih mengalami defisit fiskal yang besar, termasuklah negara-negara yang mengalami kadar pengangguran yang tinggi dan pertumbuhan yang lemah dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Kejayaan negara-negara perindustrian dalam menangani masalahimbangan belanjawan adalah terhad dan kadar pengangguran struktural terus tinggi di banyak negara. Adalah dijangkakan hanya 11 negara yang akan menyertai EMU pada 1 Januari 1999. Pewujudan euro dijangka memberi kesan kepada perdagangan, pelaburan dan pengurusan rizab di seluruh dunia, terutamanya dengan evolusi sistem kewangan antarabangsa tiga penjur, pasaran tukaran wang asing dan risiko dalam pengurusan rizab yang disebabkan oleh berkurangnya jenis mata wang di pasaran antarabangsa.

Pengangguran struktural yang tinggi terus menjadi masalah utama Kesatuan Eropah. Keadaan ini disebabkan oleh wujudnya berbagai perundangan pasaran buruh seperti faedah pengangguran yang banyak, upah minimum yang terlalu tinggi dan peraturan berkaitan pengambilan dan pemecatan pekerja yang ketat serta cukai pendapatan yang tinggi telah tidak menggalakkan majikan untuk mengambil pekerja dan pekerja untuk mencari pekerjaan. Kelemahan pertumbuhan peluang pekerjaan sejak beberapa tahun terus wujud dan pengangguran dijangka kekal melebihi paras 11% pada tahun 1997, berbanding kadar

purata negara-negara perindustrian sebanyak 7.5%. Beberapa negara Kesatuan Eropah telah cuba untuk memperbaharui pasaran buruh mereka, tetapi kejayaan yang dicapai untuk mengurangkan pengangguran adalah terhad disebabkan terutamanya oleh keengganan negara-negara utama Kesatuan Eropah termasuklah Jerman, Perancis dan Itali untuk menstruktur semula pasaran buruh mereka secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, di beberapa negara anggota Kesatuan Eropah lain, pengangguran telah turun dengan ketara, terutamanya di UK, Belanda, Denmark dan Ireland hasil daripada reformasi menyeluruh yang diperkenalkan pada awal tahun 1980an. Kadar pengangguran tinggi yang terus wujud di Eropah menyebabkan desakan untuk mempolitikkan isu buruh dan kebajikan pekerja dalam agenda perdagangan antarabangsa.

Globalisasi pasaran kewangan dan desakan kuat ke arah liberalisasi dan deregulasi di Eropah Timur, Amerika Latin dan Asia (termasuk Korea dan Jepun) dalam tempoh empat tahun kebelakangan ini, walaupun telah memberi manfaat, tetapi di dalam beberapa kes tertentu ia turut mendedahkan kerapuhan sistem kewangan dan kemunduran sistem kawalselia dan penyeliaan yang berhemat. Kesan krisis kewangan Mexico, Brazil, Jepun, Korea dan Republik Czech, dan Thailand dalam jangka masa 1994-97 ke atas hubungan perdagangan dan kewangan di kalangan negara yang terlibat, adalah berbeza-beza dan tidak hanya dihadkan kepada kemusnahan pasaran kewangan tempatan dan serantau, tetapi dalam beberapa kes tertentu ia telah merebak ke pasaran-pasaran lain mengakibatkan risiko sistematik yang lebih luas.

Tekanan yang hebat ke atas baht Thailand semenjak pertengahan bulan Mei 1997 telah menyebabkan kesan limpahan ke atas ekonomi-ekonomi lain di rantau ini, khususnya Indonesia, Malaysia dan Filipina. Seperti krisis di Mexico, ini menunjukkan kecenderungan bahawa krisis di satu negara akan membawa kesan ke atas negara-negara lain di mana faktor-faktor risiko yang sama dianggap wujud. Tekanan pasaran mata wang seperti ini membawa juga tekanan negatif ke atas pasaran ekuiti di rantau ini. Bagi memastikan kewangan antarabangsa stabil, usaha-usaha sedang dijalankan dalam pelbagai persidangan antarabangsa dan serantau bagi menjalin hubungan kerjasama termasuklah memperbaiki keupayaan peraturan dan pengawasan.

Kepentingan menggalakkan pengurusan yang berhemat menjadi keutamaan kepada beberapa organisasi kewangan antarabangsa, termasuklah IMF, Bank Dunia dan OECD. Tumpuan kepada pengurusan yang baik adalah bertujuan supaya negara-negara dapat mempertahankan keyakinan sektor swasta yang begitu penting bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Pentadbiran yang baik merangkumi

pengurusan berhemat sumber-sumber awam, termasuk reformasi pengurusan perbendaharaan, persediaan belanjawan, pentadbiran cukai, peraturan audit dan perakaunan, serta mewujudkan ekonomi yang stabil dan telus dalam suasana persekitaran yang terkawal. Isu-isu pengurusan akan diambil perhatian semasa Rundingan Artikel IV dan begitu juga dengan hubungan di antara IMF dan negara-negara peminjam.

ISU-ISU KEWANGAN DALAM EKONOMI DUNIA

Pengenalan

Perubahan-perubahan ketara sedang berlaku dalam ekonomi dunia yang didorong oleh liberalisasi dan globalisasi aliran kewangan, perdagangan, teknologi dan maklumat. Perubahan-perubahan ini telah mendatangkan banyak manfaat di samping menawarkan berbagai peluang, namun begitu banyak negara masih terus terpinggir daripada arus globalisasi itu. Negara-negara membangun yang terdedah kepada dwi-proses globalisasi dan liberalisasi telah menerima peningkatan aliran pelaburan, perdagangan dan teknologi. Pada masa yang sama, globalisasi juga mewujudkan beberapa risiko tertentu yang boleh mengakibatkan kesan negatif terhadap pembangunan. Kehilangan autonomi dasar dalam beberapa bidang dasar dan ketidakstabilan serta ketidaktentuan akibat daripada keterbukaan pasaran kewangan, kadang kala memerlukan pengubahsuaian ekonomi makro yang rumit di peringkat negara individu. Sebaliknya pula, globalisasi telah memberi dorongan yang kuat ke arah menggalakkan dasar-dasar ekonomi makro yang kukuh di samping menjalin kerjasama serantau dan antarabangsa yang lebih padu.

Usaha-usaha di Peringkat Antarabangsa dan Serantau untuk Mengukuhkan Kestabilan Sistem Kewangan Dunia

Proses globalisasi telah meningkatkan risiko sistemik yang mana masalah yang timbul di sesebuah negara akan merebak dengan cepatnya ke negara-negara lain. Dengan demikian usaha-usaha untuk mengukuhkan kestabilan kewangan antarabangsa adalah penting dan telah mendapat sokongan yang padu di forum-forum di peringkat serantau dan antarabangsa. Kumpulan Tujuh Negara Perindustrian (G7) dan Kumpulan Sepuluh Negara Maju (G10) contohnya, telah menggariskan beberapa langkah untuk mengukuhkan lagi keutuhan sistem kewangan mereka. Bagi memastikan usaha-usaha mereka untuk menggalakkan kestabilan kewangan mendapat sokongan daripada masyarakat antarabangsa, G10 dan beberapa negara pasaran baru muncul -

Argentina, Hong Kong China, Indonesia, Korea, Mexico, Poland, Singapura dan Thailand - telah menubuhkan sebuah Kumpulan Kerja untuk menyediakan strategi yang menggariskan ciri-ciri utama sebuah sistem kewangan yang kukuh: dasar-dasar ekonomi makro dan struktural yang kukuh; sistem perundangan, perakaunan dan pasaran yang lengkap; pengurusan korporat yang berkesan dan pasaran yang berdisiplin; dan sistem penyeliaan dan kawalan yang teguh. Kumpulan Kerja ini juga mengakui peranan penting yang dimainkan oleh kumpulan-kumpulan pengawalselia antarabangsa, institusi-institusi kewangan antarabangsa dan saluran-saluran pasaran untuk membantu badan-badan di peringkat kebangsaan bagi mengukuhkan sistem kewangan mereka.

Kerjasama di peringkat antarabangsa untuk menggalakkan kestabilan kewangan telah maju selangkah ke hadapan apabila Jawatankuasa Basle mengenai Pengawalseliaan Perbankan di bawah Bank Penyelesaian Antarabangsa (BIS) telah berganding bahu dengan badan-badan pengawalseliaan dari negara-negara baru muncul untuk mewujudkan "Prinsip-prinsip Utama Ke Arah Pengawalseliaan Perbankan Yang Berkesan". Usaha untuk memajukan sistem kewangan juga diutamakan oleh forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC). Prinsip-prinsip Utama ini sedang dikaji oleh APEC dengan tujuan untuk diterimapakai dan diguna oleh ekonomi-ekonomi anggota. Di peringkat antarabangsa pula, Jawatankuasa Interim Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah meluaskan mandat institusi tersebut bagi mengawasi institusi-institusi kewangan di negara-negara anggota. Peningkatan pengawalseliaan perbankan serta garis panduan mengenai isu-isu pengurusan yang baik akan juga dilaksanakan oleh Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia apabila mempertimbangkan permohonan pinjaman-pinjaman baru.

Di kalangan sebilangan negara-negara Asia dan Pasifik, kerjasama dalam bidang pengawalseliaan juga semakin meningkat. Sejak penubuhannya, Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP) telah berbincang secara berkala untuk menilai semula langkah-langkah ke arah mengukuhkan kerjasama bagi meningkatkan lagi kestabilan kewangan, termasuklah perkongsian maklumat, teknik dan pengalaman untuk meningkatkan taraf persefahaman teknikal berkaitan isu-isu pengawalseliaan perbankan. Dalam bidang pasaran modal pula, Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa atau IOSCO sedang

merangka garis panduan untuk menggalakkan pertukaran maklumat dalam keadaan-keadaan kecemasan, meningkatkan kerjasama di kalangan badan pengawalseliaan dan menyeragamkan perundangan memandangkan pasaran sekuriti yang semakin diantarabangsakan. Globalisasi sektor insurans telah juga menyediakan asas kepada usaha-usaha Persatuan Pengawalselia-pengawalselia Insurans Antarabangsa atau IAIS untuk mewujudkan piawaian antarabangsa bagi pengawalseliaan insurans.

Menteri-menteri Kewangan Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) semasa mesyuarat mereka di Phuket, Thailand pada 1 Mac 1997 telah juga mengenalpasti keperluan pengawalselia-pengawalselia prihatin terhadap perkembangan di pasaran. Menteri-menteri telah juga bersetuju bahawa tahap dan bentuk infrastruktur penyeliaan dan pengawalan ke atas institusi-institusi kewangan dan pasaran-pasaran di peringkat kebangsaan dan serantau perlu ditingkatkan secara berterusan. Menyedari hakikat bahawa perubahan-perubahan dalam pasaran akan memberi kesan kepada rantau ini, bank-bank pusat dan badan-badan kewangan ASEAN telah bersetuju untuk mewujudkan sebuah Forum bagi mengkaji langkah-langkah untuk memperbaiki pengawalseliaan di peringkat kebangsaan melalui perkongsian maklumat yang lebih meluas dan penyeragaman beberapa peraturan pengawalseliaan. Ini adalah untuk memastikan kejutan ke atas sistem kewangan pada masa hadapan dapat dielakkan secepat mungkin. Sebagai tambahan, Menteri-menteri Kewangan Asia dan Eropah (ASEM-FNMM) pada mesyuarat pertama mereka di Bangkok, Thailand pada 19 September 1997 telah bersetuju untuk memperbaiki peraturan pertukaran maklumat mengenai penyeliaan dan pengawalan kewangan, operasi pasaran kewangan, dan pengurusan sistem pembayaran melalui proses serantau dan pelbagai hala ke arah meningkatkan lagi kestabilan kewangan global.

Mengurangkan Kesan Negatif Aliran Modal yang Lebih Bebas

Aliran modal telah lama diiktiraf sebagai tanda dan pendorong kepada kejayaan sesebuah ekonomi. Secara umumnya, sistem yang terbuka dan liberal dan yang disokong oleh dasar-dasar ekonomi makro yang kukuh membolehkan modal mengalir dengan lebih bebas dan dapat meningkatkan kebajikan dan kekayaan di negara-negara penerima aliran tersebut. Ini terbukti dengan

peningkatan yang ketara aliran modal ke beberapa negara membangun. Aliran modal yang lebih bebas, terutamanya pelaburan langsung asing telah membolehkan negara-negara membangun tertentu mendapatkan tabungan luar negara dan seterusnya mempercepatkan proses lonjakan ke taraf negara membangun, satu kemungkinan yang sukar dicapai sekiranya negara-negara membangun ini hanya bergantung kepada sumber-sumber dalam negeri. Oleh itu untuk mengekalkan aliran masuk modal, negara-negara membangun dijangka mengekalkan dasar-dasar yang berorientasikan pertumbuhan. Walau bagaimanapun, penggerakan modal boleh juga menimbulkan masalah kepada negara-negara membangun seperti yang dialami oleh sebilangan daripada mereka kebelakangan ini.

Sistem kewangan yang terbuka serta aliran modal yang boleh melintasi sempadan dengan lebih mudah, terutamanya pergerakan ulang-alik modal jangka pendek oleh entiti kewangan bertaraf global yang boleh berlaku sekelip mata berupaya mempengaruhi harga aset dengan mendadak. Entiti-entiti seperti 'hedge funds' berkeupayaan meningkatkan tabungan dengan berlipat ganda dan ini boleh menyebabkan aktiviti spekulasi mata wang yang tidak sihat. Spekulasi secara berlebihan yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan seperti "hedge funds", terutamanya jika mereka bergabung satu sama lain boleh membahayakan keutuhan sistem kewangan sesebuah negara seperti yang dialami oleh Mexico dan Thailand. Kejadian yang sedemikian boleh merebak ke negara-negara lain di rantau berkenaan. Untuk melindungi negara-negara baru muncul daripada spekulasi mata wang secara berlebihan, Malaysia telah mencadangkan supaya IMF mengawal aktiviti kumpulan-kumpulan tabung ini. IMF telah didorong untuk mengkaji kemungkinan mewujudkan sistem piawaian etika yang boleh diterimapakai oleh peserta-peserta pasaran serta membantu badan-badan kebangsaan bagi mengawalselia spekulasi yang keterlaluan.

Cadangan ini berdasarkan pandangan bahawa tindakan antarabangsa secara bersepadu adalah penting untuk mendokong dasar-dasar dalam negeri yang dilaksanakan untuk mengurangkan kesan negatif aliran modal yang lebih bebas. Peraturan-peraturan tabungan seperti Peraturan Swap ASEAN atau Peraturan Baru untuk Meminjam (NAB) di bawah IMF atau rangkaian swap multi-bilion dolar di kalangan Bank-bank Pusat Asia akan terus menjadi elemen penting dalam kerjasama antarabangsa yang lebih erat. Contoh

kerjasama yang cemerlang di antara Asia dan IMF dapat dilihat dalam usaha mewujudkan pakej bantuan kewangan untuk Thailand pada bulan Ogos 1997. Ke arah meningkatkan lagi kerjasama yang unik ini, sembilan buah negara Asia, Amerika Syarikat dan IMF akan mengadakan perbincangan untuk menubuhkan "Asian Standby Facility".

Untuk meningkatkan keyakinan pasaran di sesebuah negara itu, ketelusan adalah penting kerana maklumat ekonomi yang tepat adalah diperlukan untuk memperbaiki fungsi pasaran. Ketelusan pula akan menjadi asas kepada sistem amaran awal yang lebih berkesan bukan sahaja untuk membendung sesuatu krisis itu, tetapi boleh juga menghindar sesuatu krisis daripada merebak ke negara-negara lain. Langkah penting untuk meningkatkan ketelusan dan penyediaan maklumat telah mula diterokai dalam Piawai Penyedaran Data Khas (SDDS) anjuran IMF. Di kalangan negara-negara ASEAN pula, langkah-langkah penting untuk meningkatkan ketelusan telah diambil oleh Menteri-menteri Kewangan ASEAN pada bulan Mac 1997. Ianya merupakan sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan pengawasan dan mengeratkan lagi semangat kerjasama yang sedia ada melalui dialog mengenai isu-isu ekonomi dan kewangan. Tujuannya ialah untuk mewujudkan kemufakatan dalam pengawasan dasar-dasar ekonomi dan kewangan. Selain itu, rangkaian maklumat berkomputer yang menyambungkan 18 buah ekonomi APEC sejak bulan April 1997 juga merupakan satu lagi langkah tambahan yang konkrit ke arah ketelusan maklumat ekonomi dan kewangan yang lebih meluas. ASEM-FNMM telah juga bersetuju untuk mengkaji kemungkinan mengadakan sebuah rangkakerja untuk menubuhkan rangkaian komunikasi berkomputer di kalangan Menteri-menteri Kewangan supaya memudahkan perkongsian maklumat mengenai pembangunan ekonomi makro dan kewangan serta dasar. Usaha di berbagai forum dan peringkat ini adalah berasaskan tanggapan bahawa sistem terbuka, tanggungjawab penguatkuasaan dasar dan ketelusan untuk mencapai kredibiliti dasar serta membina keyakinan boleh diperkukuh dengan mewujudkan suatu kod perlakuan baik. Ini adalah kerana peraturan-peraturan antarabangsa untuk mengukuhkan sistem kewangan dunia tidak seharusnya dihadkan penggunaannya kepada kerajaan-kerajaan sahaja. Peserta-peserta pasaran modal juga perlu dikawal melalui peraturan-peraturan kelakuan berhemat.

Liberalisasi Akaun Modal

Pada keseluruhannya, ekonomi dunia telah memperolehi manfaat dari pergerakan modal melalui sistem pasaran yang terbuka dan liberal. Pada bulan September 1997, Jawatankuasa Interim IMF telah bersetuju untuk mengubahsuai peruntukan-peruntukan Peraturan Perjanjiannya untuk memansuhkan pengawalan ke atas modal. Liberalisasi pergerakan modal ini akan dilaksanakan secara teratur mengikut keupayaan dan keadaan dalaman setiap negara anggota. Sehubungan ini, negara-negara membangun merasa kuarir samada mereka berupaya untuk memperkenalkan jenis-jenis kawalan jangka pendek ke atas pergerakan modal apabila wujud ancaman ke atas keutuhan sistem kewangan tempatan. Pengenalan kawalan berhemat adalah dianggap penting dalam keadaan seumpama itu.

Menangani Masalah Jenayah Kewangan: Penipuan dan Pembersihan Wang Haram

Dengan meningkatnya bilangan pusat-pusat kewangan secara pesat di merata dunia, pembersihan wang haram telah menjadi satu isu yang bukan sahaja membimbangkan anggota-anggota Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), tetapi juga membimbangkan ekonomi-ekonomi anggota APEC dan negara-negara anggota Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan Asia-Eropah (ASEM-FNMM). Pembersihan wang haram boleh menimbulkan ancaman kepada keutuhan sistem kewangan sesebuah negara itu dan usaha ke arah mengawal jenayah ini sedang diterajui oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (FATF) di bawah OECD. Beberapa buah negara di Asia telahpun menjadi ahli FATF ataupun telah mengambil langkah untuk menerimapiakai sebanyak empat puluh perakuan FATF yang bertujuan untuk menangani masalah pembersihan wang haram.

Mata Wang Tunggal Eropah

Mulai 1 Januari 1999, sebahagian besar Kesatuan Eropah (EU) akan menerimapiakai satu jenis mata wang euro yang sama. Oleh kerana Kesatuan Kewangan Eropah (EMU) akan menjadi salah satu rantau ekonomi yang terbesar di dunia, Menteri-Menteri Kewangan ASEAN telah mengikuti segala perkembangan dalam EU serta kemajuan

EMU. Ini adalah kerana mata wang euro akan memainkan peranan yang penting (selain daripada dolar Amerika dan yen Jepun) sebagai salah satu mata wang utama dunia untuk tujuan perdagangan, pelaburan dan pengurusan rizab. Menteri-menteri dari Asia telah membincang isu-isu ini dengan rakan sejawat mereka dari EU semasa Mesyuarat Pertama Menteri-menteri Kewangan Asia-Eropah (ASEM-FNMM) dan mengambil maklum keazaman EU untuk memastikan peralihan ke mata wang euro berjalan licin dan teratur agar tidak menimbulkan masalah kepada sistem kewangan dunia. Menteri-menteri Eropah telah juga bersetuju bahawa segala peluang akan diberikan samada melalui rangkakerja institusi-institusi kewangan antarabangsa, perhubungan duahala ataupun perbincangan antara rantau untuk memastikan pihak Asia mendapat segala maklumat yang berkaitan dengan kesan pelaksanaan euro ke atas pasaran kewangan.

Pembiayaan Pembangunan Infrastruktur

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, keperluan pelaburan infrastruktur yang semakin meningkat di Asia telah jauh melebihi keupayaan pembiayaan oleh pihak Kerajaan. Pembiayaan oleh sektor swasta sedang diusahakan dari sumber-sumber tempatan dan asing untuk menampung keperluan yang amat tinggi ini. Tambahan pula terdapat kesedaran bahawa penglibatan sektor swasta boleh meningkatkan mutu dan kecekapan penyediaan infrastruktur. Menteri-menteri Kewangan APEC menyedari bahawa sekatan pelaburan dan pembiayaan yang wujud di beberapa ekonomi anggota telah menyekat penglibatan aktif sektor swasta dalam pembangunan infrastruktur. Menteri-menteri Kewangan APEC juga mengakui

peranan penting pasaran kewangan dan modal tempatan dalam menggembeling serta menyediakan modal jangka panjang untuk pembiayaan pembinaan infrastruktur. Untuk merangsang penyertaan sektor swasta dalam pembangunan infrastruktur, Menteri-menteri Kewangan APEC telah bersetuju dengan satu set prinsip sukarela: suasana ekonomi makro yang kukuh; sistem perundangan yang stabil dan telus; dasar-dasar sektoral yang menggalakkan persaingan; dan infrastruktur pasaran yang cukup maju.

Penutup

Memandangkan pertalian rapat wujud di antara kestabilan sistem kewangan antarabangsa dan dasar-dasar ekonomi makro, serta kemungkinan kesan sampingan berlaku daripada suasana pasaran kewangan dan modal yang semakin inovatif dan global, Menteri-menteri, pembuat-pembuat dasar, pihak penguatkuasa, para penyelia dan peserta-peserta pasaran perlu meningkatkan pengawasan mereka terhadap isu-isu yang disebutkan itu, bukan sahaja dalam konteks ekonomi tempatan, tetapi juga dari segi perhubungan ekonomi dan kewangan di antara dan di kalangan negara-negara. Pendeknya, walaupun tanggungjawab ke atas pelaksanaan dasar-dasar ekonomi makro adalah tanggungjawab Kerajaan, kesan perkembangan sistem kewangan antarabangsa ke atas pengurusan ekonomi makro di peringkat negara individu tidak boleh diketepikan. Tindakan dan kerjasama antarabangsa boleh mengelak atau menangani ancaman ke atas kestabilan sistem kewangan dunia, dan seterusnya dapat memupuk sikap kebajikan dan keakraban dalam ekonomi dunia sejagat.